ثتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DASAR kita ialah : Bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera." - Titah sempena Hari Keputeraan Yang Ke-59 Tahun pada 15 Julai 2005.

Pelita Brunei

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"ALLAH menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan." - (Surah Al Baqarah ayat 185).

TAHUN 55 BILANGAN 34 | 1431 جمادى الأول 13 | 28 APRIL 2010 | Pelita Online Harian : http://www.pelitabrunei.gov.bn | Emel : pelitabrunei@information.gov.bn | Hotline : 2383941 Faksimile : 2381004 | EDISI RABU PERCUMA

Meninjau Eksesais Hikmat Bersatu III

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Senjata Diraja Brunei ketika menguji cuba peralatan persenjataan yang digunakan semasa latihan Eksesais Hikmat Bersatu III di Lapangan Udara Anduki sambil diperhatikan oleh anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral Angkatan Senjata Diraja Brunei. (*Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan muka 12 dan 13*). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Bukan saja menerima aduan air

Hotline 140 diperluaskan

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 April. - Talian *Hotline* 140 yang terhad bagi menerima aduan perkhidmatan air kini diperluaskan untuk menerima aduan-aduan berkaitan dengan jalan raya, saliran, pembetungan, bangunan, tanah susur dan sebagainya.

Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ghafar mengumumkan perkara itu semasa Sesi Perjumpaan / Taklimat Bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (Kumpulan Pertama) di Bilik Keruing, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan, di sini.

Menurut beliau, dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dalam menghuraikan apa-apa jua masalah, Jabatan Kerja Raya (JKR) kini menyediakan satu pusat atau *centre* yang diberi nama Pusat Pekhidmatan Pelanggan (CCC).

Pusat CCC ini jelas beliau beroperasi 24 jam bagi menerima aduan-aduan semasa waktu bekerja dan semasa luar bekerja serta hari-hari kelepasan awam.

"Aduan-aduan yang diterima adalah yang berkaitan dengan infrastruktur awam seperti kerosakkan jalan raya, paip air, bangunan-bangunan di bawah kawalan jabatan ini, longkang-longkang, kerja-kerja pemeliharaan pemotongan rumput, *'traffic light'* dan seumpamanya," katanya.

Menyedari akan hakikat dan cabaran yang dihadapi terutama sekali bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai tambahnya, JKR akan terus memberikan keutamaan kepada usaha-usaha strategik jabatan seperti meningkatkan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini dalam menyediakan prasarana seperti jalan raya, air, menaik taraf longkang-longkang dan sungai-sungai serta projek-projek lain yang ada kaitannya dengan kehidupan dan alam sekitar.

Ke muka 24

DI DALAM

MUKA 3

Menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China

30,105 diperkenankan menjadi rakyat Brunei

"PARA penerima sijil kerakyatan supaya sentiasa mengamalkan, mendaulatkan dan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi seharian di kalangan semua lapisan masyarakat di negara ini kerana ia adalah simbol identiti yang mencerminkan keunggulan dan kegemilangan bangsa dan negara."

- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 April. - Sehingga kini seramai 30,105 pemohon yang memenuhi syarat-syarat diperuntukan dalam Akta Taraf Kebangsaan Brunei telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda sama ada di bawah Bab 5(1), Bab 5(6), Bab 6(1) dan Bab 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei sejak dari tahun 1962.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjelaskan demikian di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-28.

Yang Berhormat seterusnya menyeru para penerima sijil kerakyatan supaya sentiasa mengamalkan, mendaulatkan dan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi seharian di kalangan semua lapisan masyarakat di negara ini kerana ia adalah simbol identiti yang mencerminkan keunggulan dan kegemilangan bangsa dan negara.

Tegas Yang Berhormat, penggunaan Bahasa Melayu tidak hanya semata-mata bagi persediaan menghadapi peperiksaan untuk lulus ujian atau untuk mendapatkan kerakyatan sahaja, tetapi hendaklah digunakan dalam tutur kata dan komunikasi semua lapisan masyarakat yang berbilang bangsa dan puak di negara ini.

"Ini adalah kerana bahasa mencerminkan simbol identiti bangsa dan negara, biskita hendaklah mengambil maklum bahawa bangsa-bangsa yang berjaya di dunia ini sentiasa berbangga dan mengagungkan bahasa masing-masing kerana bahasa itu sendiri mampu mengangkat dan memartabatkan serta menyatupadukan masyarakat, bangsa dan negara masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Ke muka 24

'MEMBANTERAS JENAYAH BERSAMA MASYARAKAT'

Kukuhkan pengetahuan di pelbagai bidang

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PESERTA-PESERTA Kursus Induksi kali ini, samalah seperti peserta-peserta sebelumnya. Mereka telah didedahkan kepada tugas-tugas jawatan mereka dalam perkhidmatan agama di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ini.

Apa pun cara penyampaiannya, namun isi atau intipati induksi itu ialah untuk menjadikan mereka pegawai-pegawai yang akan menyumbang dengan aktif menjayakan misi dan visi jabatan, di mana mereka diaturkan berkhidmat. Misi dan visinya itu ialah seperti mana yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Perlu difahamkan Pelan Strategik KHEU itu ialah garis-garis kasar haluan setiap jabatan di dalamnya untuk menepati matlamat Wawasan Brunei 2035.

Wawasan Negara atau Wawasan Brunei 2035 itu berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam menjelang 2035, dikenali di seluruh dunia dengan :

i. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

ii. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan

iii. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah mencapai wawasan itu, ditegaskan bahawa kita bersatu dalam :

i. Kesetiaan kepada sultan dan negara;

ii. Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan

iii. Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Oleh itu, pegawai-pegawai yang baru berkhidmat yang menyertai kursus induksi ini khasnya, hendaklah menyedari beberapa perkara yang penting sambil mereka berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

Pertama :

Mereka adalah generasi penerus yang akan sempat menyaksikan Brunei pada tahun 2035. Brunei pada masa itu, menurut wawasannya akan menjadi negara yang rakyatnya berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan berjaya dengan menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi dalam ekonomi Brunei yang dinamik dan berdaya tahan.

Kedua :

Mereka adalah generasi yang dari sekarang akan memastikan bahawa dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 itu rakyat, iaitu mereka adalah sebahagiannya, tetap mengekalkan perpaduan dengan kesetiaan kepada sultan dan negara, meyakini nilai-nilai Islam dan mengamalkannya dan seterusnya memelihara keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik bangsa Brunei.

UCAPAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman di Majlis Ramah Mesra Bersama Peserta-peserta Kursus Induksi di Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada Hari Selasa, 28 Rabiulakhir 1431H bersamaan 13 April 2010M.

Dalam konteks pegawai-pegawai yang diaturkan berkhidmat di bidang perkhidmatan agama, mereka adalah generasi penerus kepada generasi sebelumnya. Sesungguhnya mereka beruntung mewarisi suatu tradisi perkhidmatan yang diterokai oleh angkatan atau generasi yang telah sempat meletakkan asas-asas yang kukuh bagi perkhidmatan agama yang meliputi bidang-bidang pelajaran agama, dakwah dan syiar Islam, perundangan serta bidang-bidang pelajaran agama seperti haji, ehwal masjid, zakat dan lain-lain.

Oleh itu, mereka dengan pelajaran dan pengalaman yang baharu dalam suasana Brunei sekarang dan akan datang yang semakin maju dan canggih, terbuka dan tersambung kepada dunia luar, hendaklah mengembangkukuhkan bidang-bidang tersebut.

Satu perkara yang perlu sentiasa mereka ingati ialah generasi sebelum mereka telah mengetengahkan Islam untuk penghayatan Brunei dengan strategi dan pendekatan *inclusive*, bukan *exclusive*.

Menerusi strategi dan pendekatan demikian itulah makanya Islam telah dapat diserasikan dengan Brunei yang merangkul modenisasi namun tetap kekal dan teguh sebagai negara beragama dan beradat serta utuh dengan pemerintahan beraja.

Menerusi strategi Islam *inclusive* itu rakyat Brunei yang Islam dan bukan Islam dapat menerima kerasmian agama Islam itu dengan baik. Khasnya bagi rakyat yang beragama Islam, iaitu kita ini, dapat merasakan kemanisan beragama yang menyumbang kepada keharmonian masyarakat dan keamanan negara.

Tegasnya, generasi terdahulu dalam perkhidmatan agama adalah contoh terbaik bagi generasi penerus sekarang dan akan datang. Mereka itu, walaupun terpelajar dan mendapat pengalaman di luar negeri dalam tahun-tahun 50-an hingga 70-an, di mana negara-negara yang mereka belajar bergolak dengan berbagai-bagai fahaman ideologi politik dan teori-teori ekonomi dan sosial yang radikal, namun mereka kembali kepada pangkuan tanah air Brunei ini dengan sikap yang jitu iaitu kembali kepada acuan atau calak Brunei yang beraja dan beradat. Lalu mereka membawakan Islam yang dinamik yang diserasikan dengan acuan atau calak Brunei sedemikian itu.

Hasilnya ialah Islam di Brunei sekarang. Islam yang dinamik yang serasi dengan Brunei yang beraja dan beradat.

APA pun cara penyampaiannya, namun isi atau intipati induksi itu ialah untuk menjadikan mereka pegawai-pegawai yang akan menyumbang dengan aktif menjayakan misi dan visi jabatan, di mana mereka diaturkan berkhidmat. Misi dan visinya itu ialah seperti mana yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama.

GENERASI terdahulu dalam perkhidmatan agama adalah contoh terbaik bagi generasi penerus sekarang dan akan datang. Mereka itu, walaupun terpelajar dan mendapat pengalaman di luar negeri dalam tahun-tahun 50-an hingga 70-an, di mana negara-negara yang mereka belajar bergolak dengan berbagai-bagai fahaman ideologi politik dan teori-teori ekonomi dan sosial yang radikal, namun mereka kembali kepada pangkuan tanah air Brunei ini dengan sikap yang jitu iaitu kembali kepada acuan atau calak Brunei yang beraja dan beradat. Lalu mereka membawakan Islam yang dinamik yang diserasikan dengan acuan atau calak Brunei sedemikian itu.

Sidang Pengarang

Ketua Penyuntingan
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Pemberitaan
Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Shari Haji Garib,
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

Penyemakan
Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan
Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemah
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

MENANGANI, MERUNGKAI, PERMASALAHAN ORANG RAMAI

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensinya sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap dan bersungguh-sungguh serta memberikan layanan yang baik dan bersopan santun kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam. Kerajaan sentiasa peka dan komited tentang masalah dan sungutan yang dihadapi oleh orang ramai setiap hari serta membuat perubahan, pembaharuan dan pembaikan dari semasa ke semasa yang tujuan utamanya bagi memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai dan 'stakeholders' serta memperbaiki proses-proses yang sudah lapok atau 'absolute', informasi yang tidak 'up-to-date', janji-janji yang belum tertunai serta kaedah dan modus operandi yang ketinggalan zaman, 'red tape' dan sebagainya yang sering menjadi penyebab kelambatan dan ketidakberkesanan perkhidmatan. Sebagai warga Perkhidmatan Awam kita perlu ingat orang ramai tidak mahu lagi mendengar alasan-alasan yang sama dan tidak berasas yang kadang-kadang sengaja direka-reka bagi menyamankan hati orang awam. Namun senarionya sudah berubah, orang ramai dengan tahap pendidikan yang tinggi tidak mudah dipujuk rayu dan sebagainya. Inilah antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh warga Perkhidmatan Awam dan kerajaan keseluruhannya.

Dalam hal ini, elok rasanya kita renung kembali akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena lawatan baginda ke Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kemajuan Perumahan pada 21 Jun 1989. Antara lain baginda menekankan:

"Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa memberikan pemedulian kepada orang ramai dengan mengamalkan sikap tidak camah mata dan berat mulut apabila melihat orang ramai datang ke pejabat-pejabat mereka bagi mendapatkan sesuatu penerangan atau pun perkhidmatan. Apa yang kita kehendaki ialah supaya setiap pegawai dan kakitangan akan bertindak serta-merta memberikan penerangan ataupun menunjukkan ke arah mana seharusnya orang ramai menuju ke bahagian-bahagian jabatan mereka apabila mereka ternampak orang awam datang ke pejabat mereka, bukannya dengan membiarkan orang berkenaan mundar-mandir dan dalam keadaan serba salah."

Nukilan titah baginda selayaknya kita jadikan pedoman dalam kerja harian bagi menghadapi orang ramai, kerana warga Perkhidmatan Awam mustahak mengingati bahawa tujuan mereka bekerja dengan kerajaan bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan bagi mendapatkan sebarang pekerjaan, tetapi lebih jauh dari itu, tanggungjawab utama mereka kepada orang ramai dan masyarakat untuk memberikan perkhidmatan yang cekap lagi memuaskan. Inilah sebenarnya matlamat warga Perkhidmatan Awam bagi mencurahkan khidmat bakti kepada bangsa dan negara dan bukan tujuan untuk makan gaji semata-mata.

Dalam pada itu, sudah tiba masanya bagi agensi-agensi kerajaan mengkaji semula susunan dan perjalanan pentadbiran di jabatan masing-masing, khususnya dalam membuat sebarang keputusan terhadap apa jua permohonan orang ramai / pihak awam dengan secepat yang mungkin tanpa berlengah-lengah atau melambat-melambatkan, di samping berusaha gigih lagi lutanan bagi mempertingkatkan lagi layanan-layanan dan tahap pemedulian yang diberikan kepada orang ramai yang datang berhubung dengan jabatan-jabatan kerajaan saban hari.

JKR, salah sebuah agensi kerajaan yang sememangnya banyak berhubung / sentiasa dihubungi oleh orang ramai sering menjadi fokus utama dan tidak ketinggalan menjadi sasaran tomahan, tuduhan yang liar oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Dalam menyahut cabaran-cabaran masa kini yang semakin kompleks, jabatan berkenaan telah menyediakan satu pusat atau 'centre' yang diberi nama Pusat Pemedulian Pelanggan (CCC) untuk menerima dan memberikan 'feedback' kepada orang ramai. Pusat berkenaan juga menyediakan ruang untuk menyuarakan masalah yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan.

Menurut Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ghafar semasa mengadakan Perjumpaan Dengan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara, Pusat CCC ini akan beroperasi selama 24 jam sehari menerima aduan-aduan semasa waktu bekerja dan masa di luar bekerja serta hari-hari kelepasan awam. Fokus utama aduan adalah berkaitan dengan infrastruktur awam seperti kerosakan jalan raya, paip air, bangunan-bangunan di bawah kawalan JKR , longkang-longkang, kerja-kerja pemeliharaan pemotongan rumput, 'traffic light' dan seumpamanya. Kesemua aduan-aduan itu boleh disalurkan melalui talian 'hotline' 140. Dengan penubuhan CCC itu, penerimaan sebarang aduan akan disatukan atau di'centralised' dengan menggunakan talian penting 140 yang bukan hanya menerima aduan berhubung air tetapi kini menyeluruh kepada penerimaan aduan yang berkaitan dengan jalan raya, saliran, pembetungan, bangunan, tanah susur dan sebagainya.

Kita melihat langkah JKR menggunakan talian penting 140 adalah sesuatu yang bertepatan dan selayaknya mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Di mana orang ramai dan pihak awam tidak perlu menunggu waktu pejabat tetapi boleh menyalurkan dengan sekelip mata tanpa hadir ke pejabat-pejabat berkenaan. Senario ini setentunya menjimatkan masa dan dalam waktu yang sama tindakan cepat dapat dijalankan dengan lebih berkesan bagi menyelesaikan apa jua masalah orang ramai. Selayaknyalah orang ramai akan menggunakan talian 140 itu dengan bijaksana bagi menyalurkan apa-apa jua aduan yang memerlukan tindakan cepat dan perkhidmatan yang sepadu. Selain itu, orang ramai juga boleh mengadukan apa-apa jua masalah terutama panggilan kecemasan iaitu Ambulans - 991, Polis - 993, Bomba dan Penyelamat - 995, Mencari dan Menyelamat - 998. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan penting melalui 'hotline' bagi Elektrik - 144, Kebajikan Kanak-kanak - 141 dan Biro Mencegah Rasuah - 143.

Semogalah langkah kerajaan menerusi JKR menubuhkan Pusat CCC dan memperluaskan penggunaan talian 'hotline' 140 akan dapat mempercepatkan apa jua aduan, isu-isu dan permasalahan orang ramai. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna warga Perkhidmatan Awam boleh lepas tangan begitu saja. Ini bermakna tidak boleh terlepas pandang mengenai dengan orang ramai yang datang membuat aduan ke pejabat-pejabat kerajaan. Apa yang penting berikan perkhidmatan yang cekap dan bersungguh-sungguh serta memberikan layanan yang baik dan bersopan santun kepada orang ramai yang berhubung dengan jabatan masing-masing. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

Menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya.

Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, adalah bagi Puan Yang Terutama Madam Tong Xiaoling.

Puan Yang Terutama adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam sejak 20 Mac 2007.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Tong Xiaoling. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Dua Duta Besar baru dilantik diterima mengadap

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran yang baru dilantik ke negara ini, Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Ashtiani (atas kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Laos, Tuan Yang Terutama Souvanna Phouyavong ke negara ini yang baru dilantik (atas kanan). - Foto: Masri Osman.

Oleh : Abdullah Asgar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Laos, Tuan Yang Terutama Souvanna Phouyavong ke negara ini yang baru dilantik.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 April yang lepas.

TYT berusia 58 tahun, sebelum ini pernah bertugas selaku Pemangku Ketua Pengarah bagi Hubungan Antarabangsa di Jabatan Berbagai Organisasi, Suruhanjaya bagi Hubungan Luar Komiti Parti Utama.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Sementara itu, pada 24 April yang lalu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran yang baru dilantik ke negara ini.

Di Istana Nurul Iman, di sini, DYTM juga berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Ashtiani.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran yang baru berusia 55 tahun itu, sebelum ini pernah bertugas sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Islam Iran.

TYT telah menyembahkan Surat Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah DYMM pada 22 April lepas.

Brunei Hargai sumbangan Republik Rakyat China

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Madam Tong Xiaoling yang akan menamatkan perkhidmatannya. - Foto : Ramli Tengah.

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China yang akan menamatkan perkhidmatannya, Puan Yang Terutama Madam Tong Xiaoling.

Majlis Mengadap berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan penghargaan di atas sumbangan Puan Yang Terutama dalam mengukuhkan hubungan yang sangat baik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

PYT berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Rakyat China yang menetap di Negara Brunei Darussalam sejak bulan Mac 2007.

Produk Berjenama Brunei 'duta' di mata antarabangsa

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya melancarkan Skim Pembiayaan Semula Eksport (*Export Refinancing Scheme - ERS*) dan Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MOA) antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

JERUDONG, Khamis, 15 April. - Para pengusaha kecil dan sederhana (PKS) diseru agar sentiasa siap siaga dalam mengharungi berbagai jenis cabaran perniagaan, di samping bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan.

Seruan tersebut dibuat oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika melancarkan Skim Pembiayaan Semula Eksport (*Export Refinancing Scheme - ERS*) dan Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MOA) antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Berhad.

Berucap di majlis yang berlangsung di Dewan Bridex, Yang Berhormat berkata pada lazimnya, perancangan dan persediaan di peringkat awal iaitu sebelum menembusi sesuatu pasaran antarabangsa, penelitian bagi kesesuaian produk mengikut kehendak dan permintaan pengguna melalui kajian pasaran setentunya dibuat sebagaimana juga amalan-amalan terbaik syarikat-syarikat antarabangsa.

"Makanya, produk-produk keluaran tempatan seharusnya mempunyai penampilan pembungkusan yang inovatif dan berkualiti tinggi iaitu setanding dengan produk-produk syarikat luar negeri supaya ianya sentiasa kekal dapat bersaing di pasaran serantau mahupun antarabangsa," terang Yang Berhormat.

Para PKS juga jelas Yang Berhormat seharusnya menyedari bahawasanya setiap Produk Berjenama Negara Brunei Darussalam mahupun produk-produk yang membawa nama Brunei melambangkan suatu kemegahan yang boleh diibaratkan sebagai *duta* penghubung untuk berkomunikasi dengan pengguna-pengguna luar negeri supaya mereka lebih mengenali negara ini.

Yang Berhormat penuh percaya dengan menjaga imej baik nama negara maka akan dapat meyakinkan pengguna-pengguna luar negeri melalui agen-agen syarikat pengimport untuk terus berurus niaga dengan syarikat-syarikat pengeksport di negara ini.

Justeru itu, tindakan-tindakan bersesuaian tegas Yang Berhormat perlu dibuat, bukan setakat memadai dengan menyediakan kemudahan pembiayaan malahan melalui sokongan berbagai program yang berkaitan langsung dengan pelaksanaan dan pembangunan perdagangan eksport.

"Ini termasuklah pengwujudan program-program pembangunan berbentuk dukungan teknikal dan pembungkusan produk dan lain-lain insentif yang bersesuaian," tegasnya lagi.

Yang Berhormat juga menambah dalam usaha berterusan KPSSU melalui jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya sentiasa memberi galakan kepada para PKS di negara ini untuk meraih peluang-peluang perniagaan dalam sektor-sektor utama di bidang pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran serta lain-lain perkhidmatan yang mendukung kemajuan sektor-sektor berkenaan.

Selain itu katanya, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KPSSU juga menawarkan kemudahan pembiayaan berbentuk pinjaman kewangan kepada PKS.

Dalam tempoh satu dekad lalu, KPSSU terang Yang Berhormat telah memperkenalkan dua skim pinjaman untuk PKS iaitu Skim Kemudahan Perusahaan (SKP) dan Skim Kewangan Mikrokredit (SKM).

Menyentuh mengenai pasaran pula Yang Berhormat berkata tumpuan kini seharusnya lebih menjurus kepada peluang-peluang pasaran luar negeri yakni pasaran eksport, yang mana pada hakikatnya ruang-ruang bagi pasaran domestik agak terhad dengan kos-kos operasi dan pelaburan ke atas teknologi pengeluaran yang begitu tinggi.

Ke arah itu jelasnya, KPSSU memperkenalkan satu lagi skim pembiayaan untuk PKS iaitu Skim Pembiayaan Semula Eksport (*ERS*).

PATUHI SEGALA SYARAT, PERATURAN PERUMAHAN

GEMBIRA ... seorang penerima yang berjaya semasa Majlis Pengundian Pemilihan Rumah-rumah dan Unit Rumah Teres Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Gadong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 111 orang pemohon Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba bakal mendiami rumah masing-masing setelah permohonan mereka diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Muhibah, baru-baru ini dan ianya adalah diadakan bagi Majlis Pengundian Rumah-rumah dan Unit Rumah Teres (RPN) Kampung Rimba, Gadong.

Hadir bagi menyaksikan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Seramai 17 orang mengundi bagi mendiami rumah Jenis *Deluxe* yang berharga BND92 ribu dengan keluasan rumah 145 meter persegi, manakala 31 orang mengundi rumah Jenis Standard yang berharga BND83 ribu yang mempunyai keluasan rumah 138.82 meter persegi.

Sementara itu, seramai 63 pula mengundi rumah Jenis Teres yang berharga BND45 ribu bagi unit sudut dan BND43 ribu bagi unit pertengahan yang kedua-duanya mempunyai keluasan 120.37 meter persegi.

Dalam ucapannya setelah majlis pengundian, Awang Haji Mohd. Rozan turut menyarankan kepada para pemilik-pemilik rumah supaya sentiasa mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam sesi taklimat yang diadakan terdahulu.

Sebarang penambahan dan pengubahsuaian rumah tegasnya, hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak yang berkenaan.

> ***" KEPADA para pemilik-pemilik rumah supaya sentiasa mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam sesi taklimat yang diadakan terdahulu."***
>
> **- Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.**

Anggota Bomba dan Penyelamat dinaikkan pangkat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai sebelas anggota bomba yang terdiri daripada sepuluh Ahli Bomba Kanan dan seorang Ahli Bomba Wanita telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Balai yang berlangsung di Mess Pegawai, Dewan Serbaguna di ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, baru-baru ini.

Penyampaian Tanda Pangkat itu disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan.

Ahli-ahli Bomba Kanan yang dinaikkan pangkat ialah ABK No. 83 Awang Haji Arabi bin Yusof, ABK No. 31 Awang Muhamad Sadiy bin Abdullah Tujoh, ABK No. 33 Awang Embran bin Haji Yaakub, ABK No. 42 Damit Anak Chuat, ABK No. 60 Awang Ampuan Kahar bin Ampuan Haji Hidup, ABK No. 90 Awang Sufri bin Haji Hashim, ABK No. 97 Awang Sarkawi bin Bakar, ABK No. 112 Awang Aliman bin Haji Salleh, ABKW No. 170 Dayang Rohana binti Haji Kamis, ABKW No. 174 Dayang Rosita bin Haji Aman dan ABW No. 806 Dayang Roshidah binti Abdul Rahman.

Tarikh kenaikan pangkat Penolong Pegawai Balai bermula pada 1 Disember 2009.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan anggota serta kakitangan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat dan dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

PEMANGKU Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Bomba Kanan yang dinaikkan pangkat. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Menyebarkan maklumat *core business* Jabatan Penerangan

" MESKIPUN dunia sentiasa beredar dan berubah mengikut kemajuan ketamadunan manusia, namun Jabatan Penerangan tetap relevan dan mampu menyesuaikan diri untuk memenuhi citarasa dan kemahuan 'stakeholders' dalam memainkan peranannya sebagai lidah dan telinga pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam."

- Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Penerangan kini semakin meningkat dewasa dan matang setelah banyak mengharungi perkembangan dan kemajuan khususnya dalam memanai tugas menyebarkan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang merupakan *core business* sebagaimana misinya *'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'*.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong berucap demikian di Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-58 Penubuhan Jabatan Penerangan yang diadakan di Dewan Setia Negara, di jabatan berkenaan, baru-baru ini.

Menurutnya, meskipun dunia sentiasa beredar dan berubah mengikut kemajuan ketamadunan manusia, namun Jabatan Penerangan tetap relevan dan mampu menyesuaikan diri untuk memenuhi citarasa dan kemahuan *stakeholders* dalam memainkan peranannya sebagai lidah dan telinga pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan lain perkataan, katanya, meskipun media baru telah menukar corak penyaluran maklumat dengan perkembangan komunikasi di bidang teknologi maklumat namun kenyataannya, media tradisi yang kita warisi dari sejak 58 tahun yang lalu masih menjadi penyedia kandungan untuk media moden yang kita perkenalkan dalam perkhidmatan terkini Jabatan Penerangan seperti PELITA BRUNEI *Online* Harian, *Infofoto Gallery, Brunei Darussalam Daily Diary, Press Room*, laman web jabatan, edisi PELITA BRUNEI Rabu dan Sabtu, penerbitan buku-buku, perkhidmatan kenegaraan dan kemasyarakatan dan lain-lain.

Majlis kesyukuran berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah khas bertajuk *'Etika Kerja dan Silaturahim Menurut Islam'* yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Badarudin bin Haji Besar.

Antara lain beliau menyentuh mengenai enam etika kerja menurut Islam yang mesti dipatuhi dan diamalkan oleh warga Perkhidmatan Awam iaitu taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, rasul-Nya dan *ulil'amri*, amanah kepada pekerjaan, menjadikan kerja sebagai ibadat, mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, bekerja dengan cemerlang dan bertanggungjawab terhadap pekerjaan.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meraikan ulang tahun penubuhannya pada 1 April setiap tahun dengan hasrat untuk menjadi sebuah institusi penyebaran maklumat sesuai dengan kehendak kerajaan.

Dalam usia Jabatan Penerangan melewati setengah abad ini, ia telah dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah jabatan yang berdaya saing dan akan terus maju ke hadapan dalam mempertingkatkan perkhidmatannya kepada orang ramai.

SEBAHAGIAN dari pegawai dan kakitangan yang hadir di Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-58 Penubuhan Jabatan Penerangan.

Taklimat mencegah kebakaran

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih dari 100 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri Taklimat Mencegah Kebakaran di Dewan Digadong, kementerian tersebut, baru-baru ini.

Taklimat tersebut turut dihadiri Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam taklimatnya, Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Pegawai Balai Awang Noorzali bin Apong menjelaskan, antara punca kebakaran ialah dari peralatan-peralatan elektrik seperti pemakaian yang berlebihan, masakan yang ditinggalkan, api lilin, kanak-kanak bermain api, lampu minyak tanah, percikan pengimpal dan api dari pontong rokok.

Menurutnya, api boleh dipadamkan dengan tiga cara iaitu menyejukkan (*cooling*), melaparkan (*starvation*) dan menyelimuti (*smothering*).

Cara menyejukkan menggunakan air jelasnya adalah satu kaedah yang lazim digunakan bagi kebakaran kayu, kain dan kertas, manakala pemadaman api melalui cara melaparkan pula bertujuan memisahkan bahan-bahan (*fuel*) yang boleh terbakar ke tempat-tempat yang selamat dan dengan sendirinya api akan padam.

Manakala memadamkan api dengan cara menyelimuti (*starvation*) ujarnya, adalah bagi kebakaran minyak dengan menggunakan *foam*, guni basah, pasir dan *asbestos blanket,* di mana kaedah ini bertujuan untuk memisahkan udara (*oxygen*) dari bahan pembakar.

Beliau menjelaskan, tindakan-tindakan yang perlu dibuat sekiranya terjadi kebakaran termasuk tidak merasa panik dan sesiapa saja yang mendapati kebakaran sedang berlaku hendaklah dengan serta-merta memecahkan alat penggera kebakaran yang terdekat.

Tindakan kedua jelas beliau ialah dengan menghubungi talian kecemasan JBP di talian 995 dengan menyatakan maklumat-maklumat seperti jenis panggilan kecemasan, alamat kejadian, nama serta nombor telefon.

Awang Noorzali menambah, tindakan seterusnya ialah memadamkan kebakaran menggunakan alat pemadam api yang sesuai atau golongan hos api, jika keadaan selamat untuk berbuat demikian.

Semasa kejadian kebakaran, keadaan akan berubah menjadi cemas dan panik, oleh itu jelas beliau, orang ramai hendaklah mengetahui beberapa perkara antaranya tindakan jika berlaku kebakaran, mengetahui lokasi peralatan memadam kebakaran dan cara menggunakannya serta pengosongan bangunan dan mengetahui laluan keluar tanpa menghadapi sebarang halangan seperti pintu keluar yang terhalang dengan barang-barang yang tidak digunakan lagi.

Selain di sisi taklimat tersebut, para pegawai dan kakitangan dari KKBS juga berpeluang menyaksikan demonstrasi cara pemadaman api dari ahli-ahli JBP yang diadakan di tempat letak kereta bangunan kementerian berkenaan.

Taklimat itu antara lain bertujuan bagi memberikan pengetahuan tentang aspek-aspek kebombaan dan cara-cara mencegah kebakaran dengan lebih berkesan serta memberikan kesedaran kepada orang ramai bahawa setiap kebakaran itu bermula dari api yang kecil dan tanpa pengetahuan asas serta tindakan awal untuk memadam, maka api akan menjadi lebih besar dan seterusnya merebak.

PEGAWAI Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Pegawai Balai Awang Noorzali bin Apong semasa menyampaikan Taklimat Mencegah Kebakaran kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Kursus *Safety Officer and Fire Marshal*

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih 30 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengikuti Kursus *Safety Officer and Fire Marshal* di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Lapangan Terbang Lama Berakas, baru-baru ini.

Kursus selama tiga hari dimudahcara oleh Timbalan Pegawai Balai, Dayang Rozita binti Haji Kamis dari Unit Perhubungan Awam, JBP Berakas.

Sepanjang kursus dijalankan, para peserta akan dibimbing secara teori dan praktikal antaranya cara-cara perlindungan pencegahan kebakaran dalam bangunan, cara membuat panggilan kecemasan, teknik-teknik mengangkat, menggulung dan menyambung hos, teknik menyelamatkan diri dalam bangunan / bilik gelap dan mengangkat serta menyelamatkan mangsa dan lain-lain.

Antara lain, kursus tersebut bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan kementerian tersebut mengenai aspek-aspek kebombaan seperti cara penggunaan alat-alat pemadam api jenis ringan, pemasangan tetap (*fixed installation*), pengosongan bangunan dan latihan kebakaran.

Selain itu, ia juga memberikan garis panduan untuk petugas-petugas keselamatan yang bertanggungjawab dalam menyelia dan mengawas keselamatan bangunan serta kepada penghuni-penghuni bangunan dalam aspek pengurusan keselamatan terutama di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, selain meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran keselamatan kebakaran, berupaya mengesan dan memadamkan api di peringkat awal.

Kursus juga bagi memberi kesedaran bahawa setiap kebakaran bermula dari api yang kecil, di mana tanpa pengetahuan asas dan tanpa tindakan awal, api akan menjadi besar dan seterusnya merebak.

Sementara itu, pihak KKBS juga telah merancang satu latihan praktikal (*fire drill*) dalam waktu terdekat untuk menguji kecekapan dan keberkesanan para peserta yang menjalani kursus ini dan juga untuk melatih pekerja-pekerja di kementerian berkenaan menghadapi sebarang kemungkinan, seperti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelamatkan diri dan mengosongkan bangunan dengan lebih cepat, teratur dan selamat.

PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mengikuti Kursus *Safety Officer and Fire Marshal* mendengar penjelasan dari pemudahcara kursus. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Isu penyalahgunaan dadah:

Siapa dipersalahkan ?

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

MENURUT statistik yang dikeluarkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN), jumlah tangkapan bagi golongan pelbagai peringkat umur di negara ini akibat penyalahgunaan dadah ialah seramai 37 orang yang terdiri dari 30 lelaki dan tujuh perempuan telah ditahan sepanjang bulan Mac 2010 bagi kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh BKN baru-baru ini, menyatakan bahawa dari jumlah tersebut 23 orang darinya ditahan di Daerah Brunei dan Muara, empat di Daerah Tutong, lima di Daerah Belait dan lima yang lain di Daerah Tutong.

Dari jumlah tersebut 30 orang terdiri daripada rakyat tempatan, dua orang penduduk tetap dan lima orang adalah tangkapan rakyat asing. Majoriti tangkapan iaitu seramai 23 darinya tidak mempunyai sebarang pekerjaan, dua orang bekerja di sektor awam, lima orang bekerja di sektor swasta dan tiga yang lain bekerja secara persendirian.

32 orang yang ditahan adalah mereka yang berumur 21 tahun ke atas, tiga orang adalah mereka yang berumur 16 hingga 20 tahun dan dua lagi dari kalangan mereka yang berumur 15 tahun dan ke bawah. Sementara itu, empat orang penuntut juga telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.

Sepanjang bulan Mac lepas, BKN juga telah berjaya membuat rampasan sebanyak 19.03 gram dadah syabu dan 1.3300 gram dadah ganja, di samping beberapa alat perkakas yang diubah suai untuk tujuan menghisap dadah.

Dari data yang terkumpul menunjukkan Cawangan Pengawasan, BKN telah menerima kemasukan Orang Yang Di Bawah Pengawasan (OYDP) baru seramai 26 orang yang terdiri dari 21 lelaki dan lima perempuan. Sementara itu, seramai enam orang telah dimasukkan ke Pusat Al-Islah bagi menjalani Program Rawatan dan Pemulihan. Jumlah keseluruhan residen yang menjalani rawatan di pusat berkenaan pada masa ini adalah seramai 118 orang terdiri dari 102 lelaki dan 16 perempuan.

Secara keseluruhan jumlah yang ditangkap dari bulan Januari hingga Mac 2010 ialah seramai 141 orang, 118 orang adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Dari jumlah itu, 105 orang adalah warga Negara Brunei Darussalam, 16 orang penduduk tetap, 20 orang adalah warga asing.

Dari jumlah yang terlibat, 110 orang adalah berbangsa Melayu termasuk tujuh puak Brunei. Mereka yang tidak bekerja adalah dicatatkan 79 orang, 34 orang yang bekerja dengan swasta, sembilan orang berkhidmat dengan kerajaan dan enam orang penuntut.

Kategori umur antara 31 tahun dan ke atas adalah seramai 69 orang, 21 hingga 25 tahun ke atas 32 orang, 16 hingga 20 tahun 14 orang dan dua orang adalah 15 tahun ke bawah. Kebanyakan mereka yang ditangkap adalah kumpulan bujang dan



berkahwin.

Berdasarkan angka-angka yang tercatat di atas, memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah penyalahgunaan dadah di kalangan para remaja di negara ini semakin membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak berkuasa.

Di samping itu, pada tahun lepas, kita telah dikejutkan oleh laporan berita bahawa terdapat tiga orang warga Brunei telah terlibat dalam sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan mereka kini sedang ditahan di penjara di negara-negara, di mana mereka ditangkap. Mereka bertiga ini merupakan golongan belia yang telah diperdaya oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

FAKTOR PENYEBAB

Bila memperkatakan keterlibatan golongan remaja. Ada banyak faktor yang menyebabkan mereka terjerumus dalam kancah ini, antaranya ialah kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa, pengaruh daripada rakan sebaya yang sudah terjerumus dalam kegiatan ini, pengaruh daripada media massa, khususnya internet yang menyebarkan banyak perkara yang berunsur negatif, kurangnya kawalan disiplin di sekolah dan banyak lagi.

Satu hakikat yang perlu diakui bersama ialah golongan remaja yang rata-rata masih belum matang dari segi pemikiran dan mudah terikut-ikut atau terpengaruh. Kerana itu pendidikan, sama ada pendidikan di sekolah, pendidikan agama mahupun pendidikan keluarga amat penting dalam mendidik ahli masyarakat, khususnya para remaja dan belia di negara ini. Melalui pendidikan yang sempurna maka akan lahirlah insan yang berkualiti dan bermoral tinggi yang tahu membezakan apa yang boleh dilakukan dan sebaliknya.

Dadah mungkin mempunyai tarikan yang kuat kepada para remaja yang sedang berada di peringkat awal, pada masa yang sama sedang mencari identiti diri dan terdapat pelbagai sebab yang membawa seseorang itu terjerumus ke kancah penyalahgunaan dadah.

Yang lebih membimbangkan lagi ialah para remaja yang masih lagi menuntut turut terlibat dengan kegiatan yang kurang sihat ini dan ini pastinya merupakan satu kerugian kepada negara kerana remaja merupakan pewaris kepimpinan negara di masa hadapan.

Perkara utama yang sering terjadi di kalangan remaja di zaman moden ini sungguh memilukan hati kerana kebanyakan mereka tidak memahami akan erti kehidupan yang sebenar. Mereka lebih suka budaya melepak bersama rakan-rakan sekolah sehingga sanggup ponteng tidak menghadiri sekolah mereka.

Sementara itu, guru-guru yang mengajar pula tidak dapat memberikan didikan kepada murid-murid mereka kerana hanya sebilangan sahaja yang hadir dan terpaksa menangguhkan pengajaran kerana masalah murid-murid yang tidak hadir ke sekolah. Siapakah yang perlu dipersalahkan dalam hal ini?

Di samping itu, '*budaya melepak remaja*' selalunya berpunca daripada terikut-ikut rakan sekolah mereka dan mereka yang menyeronokkan sehingga mereka tidak terfikir bahawa perbuatan mereka ini akan mendatangkan perkara-perkara yang mengundang kepada gejala-gejala sosial yang memudaratkan diri mereka sendiri, kurangnya perhatian ibu bapa yang sering kali sibuk dengan pekerjaan seharian sehingga kurang memberi perhatian terhadap anak-anak mereka dan ianya juga adalah berpunca dari pengaruh negatif media massa.

Mereka yang sering kali mengamalkan budaya melepak akan mudah terlibat dengan penyalahgunaan meminum arak, merokok, keruntuhan akhlak, merosakkan harta benda awam dan mencemarkan alam sekitar.

Langkah-langkah perlu dilaksanakan supaya budaya melepak ini tidak berleluasan lagi, agar masyarakat adalah bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini. Ibu bapa adalah yang utama sekali memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan memantau anak-anak mereka, memberikan perhatian penuh terhadap kemajuan dan apa jua perkembangan yang berlaku kepada anak-anak mereka dan tidak hanya menyerahkan tanggungjawab pendidikan kepada pihak sekolah.

Kemudian, guru-guru di sekolah perlulah menyemaikan disiplin diri, menekankan kepada murid-murid pendidikan moral, bimbingan dan pendidikan yang sewajarnya untuk masa depan mereka.

Oleh itu, negara akan dapat melahirkan anak bangsa yang penuh dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan yang berguna dan mereka akan membesar menjadi remaja yang membanggakan dan mengharumkan nama baik negara kita.

GAMBAR HIASAN ... KANAK-KANAK adalah bagaikan kain putih yang harus dibentuk dan dididik dengan cara yang betul agar mereka dapat membezakan antara yang baik dan buruk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perutusan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2008 pernah menitahkan dengan mengingatkan masyarakat Islam agar dalam keriangan berhari raya supaya jangan sampai menjerumuskan diri kepada perkara-perkara yang sia-sia yang menyalahi agama seperti pesta-pesta serta hiburan-hiburan yang tidak bermoral.

Peringatan baginda adalah suatu ingatan yang jelas betapa baginda memandang berat perayaan seumpama itu agar tidak dicemari dengan budaya-budaya yang tidak secocok dengan tatasusila orang-orang Brunei. Peringatan itu, baginda zahirkan kerana baginda melihat bahawa unsur-unsur hiburan yang melulu kini sedang berleluasa bukan sahaja sempena Hari Raya dan seumpamanya, tetapi budaya berkenaan telah dilakukan semacam kemestian dalam kehidupan harian.

"*Dalam perkara Hari Raya, di samping tidak mencuaikan ibadat, kita juga dituntut supaya jangan menjerumuskan diri kepada perkara-perkara sia-sia yang menyalahi agama seperti pesta-pesta serta hiburan-hiburan yang tidak bermoral, pembaziran dan seumpamanya*," titah baginda mengingatkan.

Marilah kita sama-sama berganding bahu dan berpimpin tangan, baik di agensi-agensi kerajaan mahupun sektor swasta supaya akan peka terhadap fenomena yang kurang sihat ini. Kerjasama semua pihak ke arah membanteras dan mengawal hiburan-hiburan yang melulu dan menjolok mata perlu segera dihentikan kerana kita khuatir para belia kita yang menjadi aset penting negara akan menjadi warga yang tidak bermoral dan gagal untuk mengemudi hala tuju negara di masa depan.

Dalam usaha ibu bapa untuk mencapai kejayaan dalam mendidik anak-anak supaya mereka taat kepada perintah Allah dan Rasul-Nya, ibu bapalah yang seharusnya terlebih dahulu menjadi pelopor dan contoh kepada mereka kerana merekalah *role model* kepada anak-anak.

Pada hakikatnya ibu bapa sememangnya amat sayang kepada anak-anak mereka, maka kerana itulah mereka berusaha memenuhi tanggungjawab dengan menyediakan segala keperluan anak-anak seperti memberi pendidikan, kasih sayang dan keperluan harian yang secukupnya, serta sentiasa memberikan nasihat dan teguran yang berguna. Jangan biarkan mereka bergaul tanpa perhatian kerana adalah tidak mustahil berkemungkinan mereka akan mudah terpengaruh untuk berbuat salah misalnya melanggar peraturan sekolah seperti merokok, ponteng sekolah, terlibat dalam perkelahian dan sebagainya. Dan lebih buruk lagi jika mereka melakukan perkara yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala seperti mencuri, berjudi, memakan dadah dan sebagainya.

Usaha BKN melancarkan slogan 'NDA' ataupun *'No Drugs At All'* merupakan slogan tempatan sebagai langkah mempromosikan kempen anti dadah agar ia terus sebati dan sinonim dengan kehidupan harian masyarakat kita.

Slogan ini dihasratkan akan dapat dihayati dan bertindak selaku peringatan kepada semua lapisan masyarakat agar sentiasa menjauhi dadah.

Pada masa yang sama, pihak-pihak berkuasa juga perlu meningkatkan usaha untuk membanteras ancaman dadah di semua peringkat. Kerjasama daripada orang ramai untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa berkaitan dengan aktiviti pengedaran dadah juga tidak kurang pentingnya. Usaha-usaha yang berkesan dan berterusan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab, maka kegiatan penyalahgunaan dadah di negara ini akan dapat dibanteras.

Dengan ini, jadikanlah diri awda ahli masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara dengan menjauhi dadah. Pengedaran dan penyalahgunaan dadah akan mengundang kepada kesengsaraan hidup dan nyawa akan melayang. Jauhilah dadah dan baliklah ke pangkal jalan.

MARILAH kita sama-sama berganding bahu dan berpimpin tangan, baik di agensi-agensi kerajaan mahupun sektor swasta supaya akan peka terhadap fenomena yang kurang sihat ini. Kerjasama semua pihak ke arah membanteras dan mengawal hiburan-hiburan yang melulu dan menjolok mata perlu segera dihentikan kerana kita khuatir para belia kita yang menjadi aset penting negara akan menjadi warga yang tidak bermoral dan gagal untuk mengemudi hala tuju negara di masa depan.

GAMBAR HIASAN ... PENDIDIKAN agama adalah antara pendidikan yang amat penting dalam mendidik ahli masyarakat agar mereka tidak terjebak dalam masalah-masalah sosial.

ABDB lancarkan Eksesais Hikmat Bersatu III

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan lencana kepada seorang pegawai tentera yang bertugas semasa latihan ketenteraan Eksesais Hikmat Bersatu III Bagi 2010. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) melancarkan Eksesais Hikmat Bersatu III Bagi 2010 dengan melibatkan sejumlah yang terbesar pada tahun ini.

Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat di Upacara Pelancaran Eksesais Hikmat Bersatu III Bagi 2010 yang berlangsung di Padang Kawad Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Berakas.

Eksesais Hikmat Bersatu III Bagi 2010 adalah eksesais peringkat ABDB yang melibatkan semua komponen-komponen darat, laut dan udara seperti TDDB, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Rejimen Pasukan Khas (RPK) dan Rejimen Simpanan Melayu Diraja Brunei, semua jabatanarah dan pejabat di dalam Kementerian Pertahanan.

Eksesais tersebut bermula pada 15 hingga 29 April 2010 di dalam lingkungan sempadan Negara Brunei Darussalam termasuk Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan ruangan udara.

Sebelum majlis pelancaran, Pemerintah ABDB memeriksa susunan perbarisan yang terdiri dari 3,000 orang anggota ABDB di bawah kawalan Leftenan Kolonel Haji Abd. Ghani bin Haji Abdullah.

Tujuan eksesais ini adalah untuk menilai keberkesanan dan kecekapan *'Command and Control'* ABDB terutama sekali di antara Markas Angkatan Bersama dengan unit-unit terlibat di dalam ABDB.

Majlis pelancaran ini juga memperlihatkan penyerahan toha (*Arm Band*) oleh Pemerintah ABDB kepada Komandan Institut Latihan ABDB selaku Pengarah Eksesais, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Kolonel Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

TUJUAN eksesais ini adalah untuk menilai keberkesanan dan kecekapan 'Command and Control' ABDB terutama sekali di antara Markas Angkatan Bersama dengan unit-unit terlibat di dalam ABDB.

BMR dan PDB tandatangani MOU banteras rasuah

MENANDATANGANI bagi pihak Biro Mencegah Rasuah (BMR) ialah Pemangku Pengarahnya, Ang Swee Kiang, manakala bagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ditandatangani oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Ke arah menjadikan warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berintegriti tinggi, jujur, ikhlas, amanah dan bebas dari perbuatan rasuah, satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara pasukan berkenaan dengan Biro Mencegah Rasuah (BMR).

Majlis Penandatanganan yang berlangsung di Mess Pegawai PDB, Gadong merupakan kerjasama di antara kedua-dua buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam memerangi rasuah di negara ini khususnya di kalangan Pasukan PDB.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman.

Menandatangani bagi pihak BMR ialah Pemangku Pengarah BMR, Ang Swee Kiang, manakala bagi pihak Pasukan PDB ditandatangani oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani.

Timbalan Pengarah BMR, Awang Haji Abdul Raub bin Haji Mohd. Yassin selaku Pengerusi Bersama dalam ucapannya di majlis ini berkata matlamat MOU ini adalah untuk memperkembangkan lagi program latihan bagi rekrut-rekrut polis dengan memasukkan subjek nilai-nilai murni, etika kerja dan pendidikan pencegahan rasuah ke dalam kurikulum latihan rekrut-rekrut tersebut.

Selain dari itu, MOU juga jelasnya akan memberi peluang atau ruang dalam memperkembangkan program bengkel-bengkel latihan seperti berkongsi kepakaran, maklumat, penyelidikan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan.

Pada majlis itu, Pemangku Pengarah BMR juga memasang dan menyerahkan lencana kepada Pesuruhjaya PDB. Lencana atau '*button badge*' ini melambangkan kerjasama kedua belah pihak di dalam memerangi rasuah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan melekatkan pelekat kereta yang bercetak *Rakan BMR* dan penyerahan pelekat kereta oleh Timbalan Pengarah BMR.

BMR dengan PDB telah lama berkongsi pengalaman terutama sekali dalam memberikan ceramah-ceramah kepada rekrut-rekrut PDB dan pihak PDB juga pernah mengikuti program-program yang telah dijalankan oleh BMR seperti perkhemahan *Law Enforcement Agency* (*LEA*) yang telah diadakan pada tahun lepas.

Adalah diharapkan BMR dan PDB akan menjadi rakan kerjasama yang berkekalan bagi sama-sama memerangi rasuah hingga ke akar umbi.

Hasrat menjadikan PDB bebas dari rasuah boleh menjadi kenyataan jika seluruh warga PDB sama-sama berganding bahu dengan membudayakan *'Benci Kepada Rasuah'* atau *'Katakan Tidak Pada Rasuah'*.

Rekrut lelaki, wanita skuad 2, 3 dan 4/2009 diraikan

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Rekrut lelaki dan wanita skuad 2, 3 dan 4/2009 terdiri dari 39 lelaki dan 25 wanita yang akan menamatkan Latihan Asas Tugas Kepolisan di Upacara Perbarisan Lalu Tamat Latihan.

Sehubungan dengan itu, di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Gadong, di sini, mengadakan Majlis Dikir Tamat Latihan dan Menabur Bunga Rampai kepada mereka yang diraikan (rekrut lelaki dan wanita).

Hadir di majlis itu dan selaku tetamu kehormat Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani bersama datin.

Juga hadir termasuklah pegawai-pegawai kanan PDB dan ibu bapa serta keluarga pelatih-pelatih yang akan menamatkan latihan asas kepolisan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan ayat suci Al-Qur'an oleh seorang rekrut wanita, Dayang Norsyazwani binti Awang Ramli.

Seterusnya disusuli dengan bacaan tafsirannya juga di bacakan oleh rekrut wanita, Dayang Nooralieza binti Idris.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid dan tausyeh oleh rekrut lelaki dan wanita skuad 2, 3 dan 4/2009.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan *Dikir As-Salai* dan *Marhaban* oleh mereka yang diraikan, manakala bacaan doa selamat pula dibacakan oleh Awang Muhammad Amirul Aliff bin Ali.

Sebelum itu, tetamu kehormat dan datin menabur bunga rampai kepada mereka yang diraikan kemudian diikuti oleh ibu bapa dan keluarga para rekrut tersebut serta mereka yang hadir.

Majlis keagamaan yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Polis itu adalah bagi meraikan rekrut-rekrut yang akan menamatkan latihan asas kepolisan tidak lama lagi.

PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani selaku tetamu kehormat majlis menabur bunga rampai kepada para rekrut di Majlis Dikir Tamat Latihan dan Menabur Bunga Rampai berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis Diraja Brunei (PDB), Gadong. - Foto : Masri Osman.

Dayang Hajijah kini memiliki rumah sendiri

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

TUTONG. - Dayang Hajijah binti Haji Abdul Rashid, 51 tahun, salah seorang penduduk Kampung Mungkom / Kiudang, Mukim Kiudang berserta keluarga beliau merasa lega dan selesa setelah berjaya mendapat rumah baru yang diidam-idamkan sekian lama melalui Projek Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin.

Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan Jenis Bertiang, Empat Bilik (Jenis A2) disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos di rumah kediaman beliau, baru-baru ini.

Dayang Hajijah ketika ditemui melahirkan rasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, beliau berserta keluarga berpeluang memiliki rumah idaman mereka dan seterusnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan kerajaan baginda dan berdoa semoga baginda dan kerabat dipanjangkan umur serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Beliau yang mempunyai anak seramai 15 orang kini tinggal bersama suami, anak-anak dan ibu beliau yang tinggal di rumah baru itu sejak 24 Mac 2010.

Menurut Penolong Pegawai Kerja Tingkat I, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Abd. Kahar bin Haji Yahya di bawah Fasa Pertama Projek Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin yang diselenggarakan oleh JPM bersama Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan membina sebanyak 60 buah unit rumah termasuk dua unit diperuntukan untuk pemohon yang bukan beragama Islam.

Setakat ini, di bawah projek tersebut telah menyerahkan sebanyak 28 buah rumah kepada pemohon yang berjaya di keempat-empat buah daerah dan dari jumlah tersebut termasuk rumah bantuan yang diserahkan sebanyak lapan buah rumah telah diserahkan kepada pemohon yang berjaya di Daerah Tutong.

Sebanyak dua unit rumah bantuan di bawah projek itu juga dijangka akan diserahkan kepada pemohon yang sudah diluluskan permohonan mereka di daerah tersebut pada penghujung tahun ini.

Turut hadir di majlis itu wakil daripada Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, wakil Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Ketua Kampung Kiudang dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Kiudang.

TETAMU Kehormat, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bersama penerima rumah bantuan serta jemputan berdikir selepas Majlis Penyerahan Sijil Bantuan Rumah Dayang Hajijah binti Haji Abdul Rashid.

SETAKAT ini, di bawah projek tersebut telah menyerahkan sebanyak 28 buah rumah kepada pemohon yang berjaya di keempat-empat buah daerah dan dari jumlah tersebut termasuk rumah bantuan yang diserahkan sebanyak lapan buah rumah telah diserahkan kepada pemohon yang berjaya di Daerah Tutong.

Golongan asnaf fakir miskin mendapat perhatian

Oleh : Abdullah Asgar

MUARA, Khamis, 15 April. - Golongan asnaf fakir miskin di negara ini yang memerlukan tempat kediaman yang selesa dan selamat mendapat perhatian dari berbagai pihak khasnya dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Sehubungan dengan itu, di Kampung Batu Marang, seorang suri rumahtangga Dayang Halimah binti Awang Sualli, 44 tahun menerima sebuah rumah bantuan dari MUIB, Bahagian Baitul Mal, yang diserahkan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar.

Rumah yang dibeli oleh MUIB telah dibantu bagi dibaik pulih oleh JDBM dengan menelan belanja kira-kira BND6,900.

Kerja membaik pulih rumah tersebut telah dijalankan sejak dua minggu lalu melalui peruntukan Tabung Amal JDBM setelah dibeli dari Awang Haji Omar bin Haji Chuchu yang simpati dan kasihan atas kesusahan Dayang Halimah yang tidak memiliki rumah tetap untuk tinggal dengan selesa.

Dayang Halimah mempunyai lapan orang anak yang kesemuanya masih bersekolah dan anak yang bungsu baru berusia lapan tahun dan kini masih menduduki Darjah Dua di Sekolah Rendah Batu Marang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penyerahan sijil rumah bantuan tersebut ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar.

PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar menyerahkan sijil pengesahan bagi rumah bantuan kepada Dayang Halimah binti Awang Sualli. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Bantuan membaik pulih rumah

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar dan Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar semasa hadir menyerahkan bantuan rumah kepada Awang Najib bin Haji Bungsu. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANTUAN kewangan sebanyak BND11,452 tersebut merupakan sumbangan dari beberapa buah agensi iaitu Majlis Ugama Islam Brunei menyumbang sebanyak BND6,000, JAPEM sejumlah BND3,000 dan Tabung Amal JDBM menyumbang sejumlah BND2,452.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BERAKAS. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi berbagai agensi seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang mampu khususnya golongan fakir dan miskin dalam membina, menyiapkan dan membaik pulih tempat tinggal mereka yang usang serta memerlukan perbelanjaan kewangan yang begitu besar.

Sehubungan dengan itu telah diadakan penyerahan bantuan rumah yang telah siap dibaiki kepunyaan Awang Najib bin Haji Bungsu yang diusahakan bersama MUIB, JDBM dan JAPEM yang berlangsung di rumah kediamannya di Kampung Terunjing Baru, baru-baru ini.

Penyerahan bantuan tersebut disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar dan Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Wahab bin Haji Sapar.

Bantuan kewangan sebanyak BND11,452 tersebut merupakan sumbangan dari beberapa buah agensi iaitu MUIB menyumbang sebanyak BND6,000, JAPEM sejumlah BND3,000 dan Tabung Amal JDBM menyumbang sejumlah BND2,452.

Penerima bantuan kewangan MUIB lahirkan rasa syukur

Oleh : Nurhidayah Haji Kamis
Foto : Ramli Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Penerima Bantuan Kewangan Bagi Yuran Pengajian ke luar negara yang disumbangkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) rata-rata melahirkan kegembiraan dan rasa syukur kerana terpilih untuk menerima bantuan berkenaan.

Dalam pendekatan wakil PELITA BRUNEI bersama seorang penerima, Dayang Nursyifa Aliyah binti Mohd. Faisal, 22 tahun, yang pada masa ini menuntut di Universiti Brunei Darussalam melahirkan rasa kegembiraan dan bersyukur kerana telah terpilih untuk menerima bantuan tersebut dan berharap akan dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Sementara adiknya, Dayang Nuramirah Juliana binti Mohd. Faisal, 21 tahun, penuntut di Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal juga melahirkan perasaan yang sama dan berharap bantuan tersebut membolehkannya meraih pembelajaran yang lebih tinggi.

Seorang lagi penerima yang sempat ditemui, Awang Muhammad Hazmi Safwan bin Haji Muhammad Yusof, 25, penuntut di Kolej Laksamana melahirkan hasratnya untuk menyimpan wang bantuan yang diberikan bagi kegunaannya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom dalam jurusan *Business Management.*

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas sumbangan yang telah diberikan bagi menolong membiayai pembelajaran saya di Kolej Laksamana ini," jelasnya apabila ditemui di majlis yang berlangsung di Bilik Mawar, Tingkat Lima, Dewan Teratai, Kementerian Hal Ehwal Ugama, baru-baru ini.

DAYANG Nursyifa Aliyah binti Mohd. Faisal, 22 tahun.

DAYANG Nuramirah Juliana binti Mohd. Faisal, 21 tahun.

AWANG Muhammad Hazmi Safwan bin Haji Muhammad Yusof, 25 tahun.

PESAKA sambut Jubli Emas penubuhan

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani ketika merasmikan Tugu Jubli Emas Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PESAKA) sebagai tanda kenangan sempena Sambutan Jubli Emas PESAKA di daerah tersebut.

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

TUTONG. - Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PESAKA) mempunyai sejarah yang membanggakan setelah mampu bertahan sehingga 50 tahun berserta kejayaannya mengadakan rancangan-rancangan dan projek-projek bagi merealisasikan misi, matlamat serta tujuan penubuhan persatuan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim berpendapat PESAKA sesuai dijadikan sebagai *'role model'* dan inspirasi kepada persatuan-persatuan belia terutamanya kepada persatuan yang baru, kerana menurutnya kebanyakan persatuan belia yang ditubuhkan di negara ini tidak dapat bertahan dan ada di antaranya dalam keadaan *'hidup segan, mati tak mahu.'*

Berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Jubli Emas PESAKA yang berlangsung di Dewan Wawasan PESAKA, Yang Dimuliakan percaya PESAKA ditubuhkan oleh anggota-anggota masyarakat kampung yang mempunyai sikap yang dinamik iaitu bersemangat, bersefahaman dan suka berbakti untuk memajukan masyarakat kampungnya melalui pelbagai aktiviti yang mengandungi kerohanian, mental dan jasmani.

"Sesebuah persatuan mempunyai ciri-ciri yang baik yang merupakan nilai-nilai murni seperti perpaduan, kerjasama, semangat sukarela, persefahaman, pemedulian / prihatin, mempunyai semangat kerja berpasukan, patriotik dan rela berkorban masa dan tenaga serta material demi kesejahteraan, kebajikan serta kemajuan bersama," jelas Yang Dimuliakan dengan penuh kepercayaan.

Terdahulu dari itu, Yang Dimuliakan pehin juga turut menggariskan makna persatuan yang menurutnya adalah pertubuhan yang merupakan suatu ikatan yang menggabungkan serta menyatukan individu-individu dalam masyarakat yang mempunyai semangat dan persefahaman, iaitu untuk berbakti membangun dan memajukan masyarakat secara sukarela dengan mewujudkan matlamat serta objektif yang disepakati bersama.

Yang Dipertua PESAKA, Awang Ahanapi pula dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan sedikit latar belakang persatuan PESAKA yang pada awal penubuhannya dinamakan PMKT dan telah ditubuhkan oleh seramai 24 orang pengasas terdiri dari anak-anak Kampung Keriam pada 1 April 1960. PESAKA katanya telah dapat mengharumkan nama Kampung Keriam dan telah dapat menggarap ke arah penyatuan masyarakat sekeliling seperti mana moto persatuan tersebut iaitu *'Bersatu Untuk Perpaduan'.*

Di majlis itu, tetamu kehormat juga telah berkesudian menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Jubli Emas PESAKA, di samping sijil penghargaan dan seterusnya merasmikan Tugu Jubli Emas PESAKA serta menanam pokok longan sebagai pokok tanda kenangan sempena Jubli Emas.

Selain itu beberapa pameran telah diatur oleh PESAKA di antaranya pameran dari beberapa buah agensi kerajaan dan swasta yang lain turut memeriahkan lagi acara termasuklah dari Jabatan Biro Kawalan Narkotik (BKN), Bahagian Pesakit Luar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Cawangan Tutong (pemeriksaan kesihatan) dan Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Sambutan Jubli Emas PESAKA telah diadakan selama empat hari bermula dengan Majlis Khatam Al-Qur'an, sementara di sebelah paginya diadakan Pesta Mini Karnival iaitu pameran oleh agensi kerajaan, peraduan dan pameran urusan rumahtangga.

Di antara yang hadir sama di majlis itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf dan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Majlis Kesyukuran Penggerudian Telaga Baru Lukut 1

Berita dan Foto : Shari Haji Garib, Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 15 April. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan sejarah mercu kejayaan di bidang perusahaan minyak dan gas dalam masa 24 tahun apabila telaga baru ditemui di Blok L digerudi sejak blok tersebut diwartakan bagi Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei.

Majlis Kesyukuran Bagi Penggerudian Telaga Baru tersebut yang dikenali dengan nama Telaga Lukut 1 telah diadakan di kawasan telaga berkenaan yang terletak di Kampung Birau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengarah Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Zolkiflee bin Haji Abdul Karim yang juga selaku Ahli Lembaga Petroleum Brunei.

Awang Haji Zolkiflee dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei dan kepada syarikat pengendali penggerudian yang dilantik iaitu QAF Brunei Sendirian Berhad, AED *South East Asia* dan *Kulczyk Oil Ventures Borneo Limited* bagi penggerudian telaga pertama di Blok L yang disifatkannya sebagai mercu kejayaan di bawah payung Syarikat Minyak Kebangsaan Brunei Darussalam.

Pada kesempatan itu, beliau menekankan keutamaan keselamatan kepada syarikat pengendali yang dilantik kerana pada kebiasaan penggerudian yang berkaitan dengan eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas mempunyai risiko tinggi.

Kejayaan penggerudian Lukut 1 itu katanya bukan sahaja akan memberi faedah kepada masyarakat Daerah Tutong dan Negara Brunei Darussalam amnya, tetapi juga kepada semua termasuklah dari generasi baru akan datang.

Beliau melahirkan rasa kegembiraan kerana apa yang dimaklumkan adalah satu lagi telaga yang dinamakan Telaga Lempuyang-1 akan dieksplorasi pada bulan Jun 2010.

Turut hadir di majlis kesyukuran itu Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan di Daerah Tutong.

PENGARAH Unit Petroleum Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Zolkiflee bergambar ramai bersama para pegawai yang hadir di Majlis Kesyukuran Penggerudian Telaga Baru tersebut yang dikenali dengan nama Telaga Lukut 1.

TETAMU kehormat, Ketua Unit Penyeliaan dan Pemantauan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Mohd. Zaini Kamarulzaman menyempurnakan Peletakan Batu Asas Tiang Bangunan Tambahan Stesen Minyak Koperasi Kampung Sungai Teraban.

Koperasi Kampung Sungai Teraban tingkat kemajuan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT. - Stesen Minyak Koperasi Kampung Sungai Teraban maju setapak lagi dengan membina bangunan tambahan stesen tersebut bagi meningkatkan lagi perkhidmatan dan penghasilan koperasi.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat dan Peletakan Batu Asas Tiang Bangunan Tambahan Stesen tersebut telah diadakan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Ketua Unit Penyeliaan dan Pemantauan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Awang Mohd. Zaini Kamarulzaman, baru-baru ini.

Pembinaan bangunan tambahan yang akan menempatkan ruang kedai, bilik mesyuarat, pejabat, stor dan perkhidmatan layanan kenderaan merupakan projek susulan selepas projek pertama penubuhan stesen minyak tersebut berjaya dilaksanakan dan projek seterusnya yang masih dalam perancangan ialah menubuhkan bas pengangkutan.

Kos pembinaan bangunan tambahan tersebut lebih BND300 ribu diperolehi dari hasil Dana Tabung Jualan Stesen Minyak Koperasi. Bangunan tersebut dibina di Tanah Lesen Tumpang Sementara seluas setengah ekar bersebelahan stesen minyak tersebut, di mana keseluruhan tanah bagi menampung kedua-dua projek berkenaan seluas satu ekar.

Pengerusi Koperasi, Awang Haji Kipli bin Haji Omar Ali ketika ditemui memberitahu kerja-kerja pembinaan projek kedua itu dijangka siap dalam tempoh enam bulan yang diselenggarakan oleh sebuah pemborong tempatan.

Koperasi Kampung Sungai Teraban pada asalnya dikenali sebagai Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban yang diasaskan oleh empat orang penduduk kampung berkenaan. Oleh kerana perusahaan tersebut tidak memberikan hasil yang memuaskan kerana faktor tanah yang diusahakan tidak sesuai, mereka mencari alternatif lain dengan menubuhkan stesen minyak berkenaan dan bermula dari situ Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban diubah nama menjadi Koperasi Stesen Minyak Kampung Sungai Teraban.

Tujuan utama penubuhan koperasi bagi menyatupadukan penduduk kampung dalam menjana ekonomi. Kebanyakan penduduk kampung bekerja sendiri sebagai nelayan. Dengan wujudnya koperasi tersebut masa depan anak-anak kampung terutama anak-anak ahli koperasi terjamin dan menjadi khazanah warisan mereka di masa depan.

Stesen minyak yang diwujudkan pada tahun 2001 itu menjalankan perniagaannya setiap hari bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. Pekerja-pekerjanya hampir keseluruhannya terdiri dari anak-anak tempatan. Stesen tersebut menjual minyak jenis diesel dan premium bagi kenderaan tempatan dan luar negara.

Koperasi Kampung Sungai Teraban kini mempunyai ahli seramai lebih 400 orang terdiri dari penduduk kampung dan warganegara tempatan.

Membanteras rasuah tanggungjawab bersama untuk menegakkan kewibawaan Perkhidmatan Awam bagi menjana keutuhan negara

SIRI PERTAMA

BAHAGIAN AKHIR

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH

ANTARA usaha-usaha pencegahan rasuah yang boleh dilakukan ialah :

• Memperkemaskan lagi undang-undang pencegahan rasuah dengan mengenakan hukuman yang lebih berat. Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dalam hukum. Siasatan dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipertingkatkan lagi agar masyarakat sedar betapa bahayanya rasuah jika tidak dibenteras dan dibendung akan mengancam keselamatan dan keamanan negara. Kegiatan dan pemantauan yang berterusan akan menggegarkan para pengamal rasuah dan menjadikan mereka untuk berfikir dengan semasak-masaknya sebelum cuba melakukan kegiatan tersebut akibat hukuman berat yang akan mereka terima jika mereka melakukannya.

• Memperbaiki pentadbiran sesebuah organisasi atau jabatan supaya lebih telus, teratur, cekap dan profesional.

• Meluaskan bidang kuasa Biro Mencegah Rasuah.

• Mengadakan kempen-kempen kesedaran sama ada melalui media masa, media cetak atau ceramah-ceramah di sekolah-sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti di negara ini bagi menyampaikan akan bahayanya kegiatan rasuah.

• Mengisytiharkan semua aset kerajaan di dalam sesebuah organisasi atau jabatan dari semasa ke semasa.

• Mewujudkan sistem yang lebih berkesan dalam mengawal kegiatan rasuah seperti *system updated*.

• Memberikan ganjaran kepada pegawai-pegawai yang menunjukan prestasi yang cemerlang yang berkeupayaan dalam melaksanakan tugas mereka dengan bersih, efektif dan cekap.

• Memberikan jaminan perlindungan kepada setiap individu yang memberi maklumat tentang adanya kegiatan rasuah yang berlaku dalam sesebuah organisasi atau jabatan bagi melindungi pemberi maklumat amalan rasuah daripada diancam oleh pihak-pihak yang berkenaan dan juga memberikan ganjaran yang sewajarnya.

• Memudahkan urusan menggunakan ICT. Prosedur diproses yang panjang, sukar dan lambat perlu diperkemaskan dan dipermudahkan dengan menggunakan kemudahan ICT. Pengguna barang dan proses temuduga dan lain-lain perlu diringkaskan supaya tidak membebankan orang ramai khususnya para peniaga.

LANGKAH-LANGKAH MEMBANTERAS RASUAH

Peranan Pemimpin dan Ketua Jabatan

Menurut perspektif Islam, pemimpin adalah bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga apa yang diamanahkan kepadanya. Antara yang perlu dijaga oleh seseorang pemimpin ialah menjaga dirinya daripada melakukan perbuatan mungkar dan menunaikan kewajipan syarak dan melaksanakan segala amanah dan tugas-tugas yang dipikulkan kepadanya dengan baik dan adil. Islam juga menghendaki seorang pemimpin atau ketua jabatan itu berakhlak tinggi, berwibawa, sabar, tegas, bertanggungjawab, bijak merancang dan bijak melaksanakan tugas serta membuat apa yang dikatakannya.

Dengan adanya nilai-nilai kepimpinan yang di sebutkan tadi sudah setentunya dapat menjadikan mereka contoh tauladan kepada orang-orang bawahannya. Orang-orang bawahan akan mencontohi kepimpinan tersebut dan menjadi tauladan kepada mereka untuk berkhidmat dengan lebih efisien demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al An'am ayat 165, tafsir-Nya :

"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjat (kedudukan) untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu."

Dan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Saad ayat 26, tafsir-Nya :

"Wahai (Nabi) Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu Khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafus kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah."

Ayat ini menunjukkan bahawa perkataan *khalifah* mempunyai fungsi kepimpinan, iaitu kepimpinan mempertingkatkan kualiti diri individu, patuh mentaati perintah-perintah Allah dan kepimpinan dengan menjalankan hukum antara sesama manusia dengan cara yang adil, membangun dan memakmurkan alam dunia ini dengan berlandaskan lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Islam. Kepimpinan juga merupakan sebahagian daripada tradisi hidup manusia yang tidak dapat dipisahkan daripadanya untuk menjamin kestabilan, keharmonian dan kesejateraan hidup secara individu, keluarga, masyarakat, bangsa, rakyat dan negara di dunia mahupun di Akhirat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah mengingatkan Setiausaha-setiausaha Tetap untuk menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada orang-orang bawahnya.

"Dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan suasana kerja yang sihat dan harmoni, baik di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian ataupun di dalam hubungan kementerian-kementerian dengan pihak orang ramai, Setiausaha-Setiausaha Tetap mestilah menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan, iaitu dengan menunjukkan sikap bertatasusila dan sentiasa memberikan pemedulian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan, dengan mengamalkan sikap terbuka dan sedia untuk mendengar apa jua masalah, dan menghargai pandangan-pandangan yang dihadapkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan."

(Titah semasa perjumpaan dengan Setiausaha-Setiausaha Tetap, di Bilik Persidangan Polis Diraja Brunei, Gadong pada 2 April 1988)

Melahirkan Warga Perkhidmatan Awam Yang Cemerlang

Budaya kerja yang cekap, mantap lagi cemerlang adalah memainkan peranan paling penting bagi memastikan jentera pentadbiran kerajaan berjalan dengan lancar dan bersih dari rasuah. Untuk mencapai maksud murni tersebut beberapa ciri harus ada antaranya ialah beriman, berkerja dengan gigih dan bermuafakat, bersifat perihatin dan pemedulian, bersikap berjimat cermat, mengutamakan pembelajaran dan ilmu pengetahuan, jujur dan amanah serta berintegriti.

Pemimpin Sebagai *Role Model*

Contoh pemimpin teladan yang unggul dan menjadi *role model* dalam segala bidang kehidupan ialah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bukan saja pemimpin agama yang membawa akidah umat manusia dari kegelapan kepada cahaya kebenaran, Baginda juga adalah pemimpin yang berjaya menyusun suatu pemerintahan yang terunggul meliputi segala bidang kehidupan manusia, politik, pentadbiran, pertahanan negara, ekonomi, pendidikan, kehidupan sosio budaya masyarakat seluruhnya yang harmoni. Baginda juga seorang penggubal undang-undang, pembina akhlak dan nilai moral yang tinggi, Baginda Rasulullah merupakan contoh pemimpin di mana segala kehebatan, keunggulan dan keistimewaan dan keperibadian mulia terkumpul dalam diri Baginda Sallalahu Alaihi Wasallam.

Peranan Warga Perkhidmatan Awam

Keazaman untuk menghindarkan diri dari terjerumus dalam kancah rasuah dan penyelewengan diri hendaklah sentiasa ada dalam setiap diri individu sama ada ia seorang pekerja bawahan atau pemimpin dalam sesebuah jabatan. Sebagaimana yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Ciri Pertama iaitu Bersih, Jujur dan Amanah Amalan Mulia di mana seorang pekerja perlu ada dalam dirinya sifat bersih, jujur, amanah serta mempunyai hati yang ikhlas, niat yang baik dan jiwa yang murni. Setiap perbuatan, keputusan dan tindakannya dilaksanakan dengan ikhlas, adil dan saksama.

Pekerja yang bersih, jujur dan amanah sentiasa mentaati undang-undang dan boleh diberi kepercayaan sepenuhnya untuk melasanakan sesuatu tugas atau kewajipan walau bagaimanapun sulit dan rahsianya sesuatu tugas atau kewajipan itu. Bagi maksud ini renungilah petikan-petikan berikut :

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anfaal ayat 27, tafsir-Nya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahuinya (salahnya)."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Tiada iman bagi orang yang tidak memegang amanah dan tiada agama bagi orang yang tidak dapat dipegang janjinya." (Riwayat Imam Ahmad).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri dalam titahnya di Majlis Pembukan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Kali Ke-19 di Dewan Majlis pada 21 Disember 1981 telah menyentuh mengenai dengan sikap jujur dan amanah pegawai-pegawai kerajaan dalam melaksanakan tugas :

"Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa adalah menjadi hasrat beta untuk mengwujudkan sistem pentadbiran kerajaan beta yang efficient, jujur dan amanah hanya akan dapat diwujudkan dan dijamin hidupnya sekiranya segenap lapisan pegawai-pegawai dalam kerajaan beta dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap, jujur dan amanah disertai dengan tulus ikhlas semata-mata kerana Allah untuk kebajikan Negara Brunei Darussalam dan penduduk serta isi di dalamnya."

Berpegang Kepada Prinsip Agama dan Nilai Murni

Setiap warga Perkhidmatan Awam mestilah bersikap tegas lagi adil ketika membuat sebarang keputusan berlandaskan undang-undang dan peraturan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 8, tafsir-Nya :

"Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran : Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

Utamakan perkhidmatan dari kepentingan diri sendiri kerana kerja adalah satu ibadat. Sentiasalah bermuhasabah diri dalam setiap pekerjaan.

1. *Kontraktor dan pelabur. Proses yang mudah dan telus dapat menhindari bahaya rasuah kerana tidak perlu disogok semata-mata untuk mempercepatkan proses.*

KESIMPULAN

Rasuah adalah suatu gejala atau jenayah yang amat berbahaya. Ia wujud akibat perilaku manusia yang tipis imannya, rendah asas akhlak, daif akal budi, tamak, pilih kasih, dorongan nafsu dan cita-cita melulu demi kepentingan peribadi yang secara rakus mengumpul kekayaan dan merebut pangkat atau kedudukan melalui jalan tidak sah.

Justeru itulah, semua pihak khusunya warga Perkhidmatan Awan seharusnya perlu prihatin untuk terus membanteras dan memerangi jenayah rasuah secara apa yang boleh dan termampu sama ada melalui perundangan, peraturan dan pendidikan. Dengan cara ini bukan sahaja keutuhan Perkhidmatan Awam dapat dipertahankan, malahan negara akan bebas dari gejala rasuah.

Kita perlu yakin bahawa kesempatan dan peluang untuk melakukan kegiatan rasuah dapat dikawal dan dibenteras apabila semua pihak khususnya sektor awam dan swasta sama-sama berganding bahu meningkatkan keikhlasan, kejujuran, akauntabiliti dan integriti dalam organisasi atau jabatan masing-masing ke arah memerangi rasuah.

Kerjasama yang padu daripada setiap organisasi dan jabatan itu sendiri adalah penting bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 yang menekankan tiga aspek penting iaitu :

i. Kesetiaan kepada Sultan dan Negara;

ii. Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan

iii. Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

(Perancangan Kemajuan Negara Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam. Wawasan Brunei 2035 Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007 - 2012, muka surat 11).

Seandainya suasanan ini wujud dalam sektor awam dan swasta, kita semua pasti kita akan mampu untuk meletakkan Negara Brunei Darussalam ke satu tahap di mana kita akan dikenali sebagai sebuah negara rasuah sifar.

RUJUKAN

1. Al-Qur'an Al-Karim

2. *Rasuah : Ingat Risikonya Di Dunia dan Di Akhirat,* Terbitan Pusat Da'wah Islamiah, 2009.

3. *Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, 1997.

4. PELITA BRUNEI, 12 Julai 2006.

5. *Himpunan Ayat-Ayat Al-Qur'an dan Hadis Mengenai Pentadbiran*, Terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Tahun 2008.

6. Perancangan Kemajuan Negara Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam. Wawasan Brunei 2035 Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007 - 2012.

7. Dr. Mohd. Haflah Piei, Utusan Online, Arkib 21/12/2003

8. Sahbulah Darwi, Utusan Online, Arkib 10/3/2007.

KEPIMPINAN mempertingkatkan kualiti diri individu, patuh mentaati perintah-perintah Allah dan kepimpinan dengan menjalankan hukum antara sesama manusia dengan cara yang adil, membangun dan memakmurkan alam dunia ini dengan berlandaskan lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Islam.

Satu pemikiran mengenai corak pendidikan untuk Brunei Darussalam berasaskan Islam :

Melalui pengalaman, sejarah

SIRI KEEMPAT

PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

3. BAGI orang yang bukan Islam sesuatu ilmu pengetahuan yang didapatkan atau diperlukan itu adalah dimaksudkan semata-mata untuk mendapatkan kesenangan semasa hidup di dunia ini, tetapi bagi orang Islam, ilmu pengetahuan yang didapatkan itu adalah untuk kesenangan hidup di dunia dan kesenangan hidup di Akhirat juga.

4. Dalam pandangan Islam sesuatu yang dibuat semata-mata diniatkan kerana Allah supaya perkara yang dijalankan itu menjadi amal yang salih kecuali perkara-perkara yang ditegah oleh syarak tetapi bagi orang bukan Islam sesuatu yang dibuat itu untuk mendapat faedahnya sahaja.

5. Menurut orang bukan Islam, konsep perniagaan adalah semata-mata untuk meraih keuntungan seberapa banyak yang boleh didapati terhadap sesuatu penjualan atau pembelian asalkan persetujuan didapati daripada kedua-dua belah pihak, sama ada mengandungi penipuan atau sebaliknya tidak menjadi persoalan, tetapi bagi orang Islam perniagaan itu dilakukan untuk memberikan kemudahan kepada manusia untuk mendapatkan barang-barang keperluaan sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri. Keuntungan yang dikenakan pula hendaklah berpatutan menurut hukum yang telah ditetapkan terutama terhadap barang-barang makanan. Penentuan harga bagi sesuatu dagangan itu akan diukur menurut kedudukan perdagangan itu, sekira-kira tidak akan mendatangkan kerugian kepada pihak yang berkenaan. Pada keseluruhannya dalam perniagaan ini tidak boleh berlaku penipuan, kerana perniagaan itu disifatkan ibadah untuk mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

6. Menurut pendapat orang yang bukan Islam keseluruhannya, ilmu ekonomi itu adalah dimaksudkan untuk mengetahui selok-belok kedudukan sistem penghasilan, pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang termasuk kemajuan perekonomian orang lain supaya tidak ada orang lain lagi yang boleh menyaingi atau mengatasi perekonomiannya. Biasanya, usaha kotor ini didapati daripada hasil kajian-kajian yang telah diperolehi mengenai ekonomi negara-negara yang dimaksudkan supaya langkah-langkah yang akan dijalankan itu bersesuaian dengan kepentingan bangsa dan negara mereka sendiri tanpa menghiraukan kemerosotan ekonomi orang lain asalkan maksud mereka itu tercapai. Akibat daripada usaha yang dijalankan oleh bangsa dan negara yang sedemikian inilah yang boleh menjadikan kedudukan ekonomi dunia tidak seimbang. Konsep ekonomi negara yang sedemikian ini dimaksudkan jika ada sesebuah negara yang menyaingi perkembangan ekonomi negaranya, maka negara itu akan mengadakan sesuatu dasar yang sengaja dibuat untuk menandingi ekonomi negara lawannya itu supaya jatuh atau sebagainya. Perkara yang disebutkan tidaklah menjadi persoalan kepada negara yang sedemikian melainkan tindakan itu berterusan tanpa belas kasihan. Tetapi bagi orang Islam mengadakan perbuatan yang menyusahkan orang lain itu adalah ditegah dan dilarang seperti yang disebutkan di dalam Al-Qur'an Surah Ath Thalaaq ayat 6, tafsir-Nya :

"Dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan hati mereka."

Menurut pandangan Islam, perekonomian itu dirancang dan disusun menurut kepentingan bersama bagi seluruh umat manusia untuk membolehkan semua manusia menikmati kurnia Allah Subhanahu Wata'ala seperti yang disebutkan dalam Surah Al Baqarah ayat 29, tafsir-Nya :

"Dialah Allah, yang menjadikan segala apa yang ada di bumi untuk kamu ..."

Bagi orang Islam wajib mengetahui bahawa sesuatu itu semuanya kepunyaan Allah Subhanahu Wata'ala. Maka dengan sebab itu perancangan perekonomian yang hendak dijalankan perlu disesuaikan dengan hukum Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan keredaan-Nya supaya faedahnya dapat dinikmati bersama oleh manusia lain tanpa menimbulkan sesuatu masalah tekanan kepada orang lain atau bukan dimaksudkan untuk merosakkan atau hendak menghancurkan perekonomian orang lain dengan niat supaya perekonomian negara dan bangsa sendiri sahaja yang boleh hidup.

7. Menurut pandangan Islam, usaha-usaha kegiatan politik memang digalakkan kerana ia bukan hanya setakat mengatur muslihat untuk mengukuhkan kedudukan negara dan umat Islam, malah jika terpaksa menghadapi peperangan pun digalakkan juga, asalkan perkara yang menyebabkan peperangan itu diperintahkan oleh hukum yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, seumpama menghadapi sesuatu ancaman yang akan mencabul kesucian agama Islam. Akan tetapi jika ajaran politik itu berlawanan dengan hukum Islam seumpama mengadakan satu usaha untuk merosakkan orang Islam atau melemahkan kedudukan orang Islam yang lain atau bercakar-cakaran sesama umat Islam yang lain kerana berebut kuasa atau kesenangan, sudah tentu perkara ini tidak dibenarkan di dalam Islam.

MENURUT orang bukan Islam, konsep perniagaan adalah semata-mata untuk meraih keuntungan seberapa banyak yang boleh didapat terhadap sesuatu penjualan atau pembelian asalkan persetujuan didapati daripada kedua-dua pihak, sama ada mengandungi penipuan atau sebaliknya tidak menjadi persoalan, tetapi bagi orang Islam perniagaan itu dilakukan untuk memberikan kemudahan kepada manusia untuk mendapatkan barang-barang keperluaan sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri. Keuntungan yang dikenakan pula hendaklah berpatutan menurut hukum yang telah ditetapkan terutama terhadap barang-barang makanan. Penentuan harga bagi sesuatu dagangan itu akan diukur menurut kedudukan perdagangan itu, sekira-kira tidak akan mendatangkan kerugian kepada pihak yang berkenaan.

8. Pendidikan Islam berpandukan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermula daripada anak damit dilahirkan hingga ke liang lahad itu telah mendapat perhatian daripada dua orang Orientalis Barat, Thomas Carlyle dalam bukunya *Hero Worship and The Heroic in History*, diterbitkan pada Tahun Masihi 1841 dan Gustave Le Bon dalam bukunya *Kebudayaan Arab* yang diterbitkan pada Tahun Masihi 1884 di Perancis. Kedua-dua mereka mengakui dan menghargai kebaikan sistem yang disebutkan, dan dikatakan juga dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang yang mempunyai sifat jujur.

Perancangan pendidikan itu hendaklah disusun selaras dengan perkembangan anak damit itu sehingga dewasa secara sistematik dan berterusan sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Setiap anak damit yang dilahirkan adalah suci maka ibu bapanya yang mencorakkannya sama ada jadi Nasrani, Yahudi atau Majusi."

9. Orang bukan Islam menyifatkan hidup di dunia ini sebagai suatu peluang untuk mencapai kesenangan hidup, supaya dapat memuaskan nafsu semewah-mewahnya dan menyampaikan cita-citanya hidup dalam keadaan senang-lenang tanpa mendapat gangguan dan kekal selama-lamanya selagi ada hayatnya. Apa-apa yang diperlukan senang diperolehi, mempunyai harta kekayaan sebanyak-banyaknya dan kekuatan kuasa yang boleh mengalahkan orang lain dan lain-lain yang seumpamanya. Akan tetapi bagi orang Islam kesenangan hidup di dunia ini dimaksudkan semata-mata untuk menyempurnakan ibadat yang sebanyak-banyaknya bagi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang akan menjadi bekal yang hendak dibawa ke Akhirat.

Inilah satu daripada sebabnya buku *'SATU PEMIKIRAN MENGENAI CORAK PENDIDIKAN UNTUK BRUNEI DARUSSALAM BERASASKAN ISLAM : MELALUI PENGALAMAN DAN SEJARAH'* ini disusun untuk membolehkan ilmu pengetahuan yang diperlukan itu dapat dipelajari dan dimanfaatkan penggunaannya supaya sesuai dengan maksud hidup di dunia dan di Akhirat.

Lebih 100 saudara baru hadiri Ceramah Akidah Ahli Sunnah Waljamaah

Oleh :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain,
Nurhidayah binti Haji Kamis

TEMBURONG, Sabtu, 3 April. - Lebih 100 orang saudara baru di Daerah Temburong menghadiri Majlis *'Ceramah Akidah Ahli Sunnah Waljamaah Senegara'* peringkat daerah tersebut.

Majlis ceramah yang berlangsung di Balai Ibadat Kampung Semabat itu dianjurkan bersama oleh Pusat Da'wah Islamiah dan Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Temburong (PESAT).

Sementara itu dalam ceramah bertajuk *'Penghayatan dan Pengakidahan Ahli Sunnah Waljamaah'*, Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah antara lain menjelaskan, bahawa sebagai seorang Islam termasuk saudara-saudara baru, adalah amat perlu untuk mengetahui dan menghayati apakah sebenarnya akidah Ahli Sunnah Waljamaah tersebut, di samping itu juga kita patut mempelajari ilmu Tauhid bagi memantapkan keyakinan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis tersebut itu antara lain bertujuan bagi meningkatkan lagi keimanan di kalangan saudara-saudara baru, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara mereka dengan para pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah serta Unit Da'wah Daerah Temburong.

SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir di Majlis *'Ceramah Akidah Ahli Sunnah Waljamaah Senegara'* peringkat daerah berlangsung di Balai Ibadat Kampung Semabat di Daerah Temburong. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

Kebawah DYMM berangkat ke Eksesais Hikmat Bersatu III

1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan menerima junjung ziarah daripada sebahagian anggota tentera yang menyertai eksesais. Berangkat mengiringi baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berada di bilik taklimat Pusat Kawalan Latihan.
3. BAGINDA semasa mendengar sembah taklimat mengenai Eksesais Hikmat Bersatu III.
4. BAGINDA ketika meneliti dokumen sambil disembahkan penerangan oleh seorang pegawai.
5. BERGAMBAR RAMAI ... Baginda semasa bergambar ramai di Pusat Kawalan Eksesais, Penanjong Garison.
6. BAGINDA disembahkan penerangan semasa berada di Menara Lapangan Udara Anduki.
7. BAGINDA menyaksikan Kereta Operasi Khas (SOV) Al-Thalab yang turut dipamerkan di latihan pertempuran tersebut.
8. BAGINDA dan DYTM menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sebelum menikmati santap ringan.
9. BAGINDA ketika meneliti alat persenjataan yang digunakan dalam Eksesais Hikmat Bersatu III.
10. BAGINDA menyaksikan pertunjukan dari seorang anggota yang menggunakan alat '*Assault Ascender*'.

Oleh :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Abdullah Asgar, Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto :
Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hatral Hazmi Haji Abd. Hamid

SERIA, Selasa, 27 April. - Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berjaya menawan semula Lapangan Udara Anduki, Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dari pihak musuh dalam satu pertempuran yang berlaku hari ini.

Dalam pertempuran tersebut, dua orang pekerja syarikat berkenaan yang ditawan oleh pihak musuh telah berjaya dibebaskan dan dibawa keluar dari bangunan terminal sementara seorang lagi pekerja yang ditawan yang cuba hendak dilarikan dengan sebuah kereta juga telah dapat dihalang oleh pasukan ABDB.

Pertempuran tersebut hanyalah sebagai latihan dalam Eksesais Hikmat Bersatu III yang melibatkan gerakan bersepadu Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei dan Rejimen Pasukan Khas yang disembahkan ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu berangkat menyaksikan latihan pertempuran tersebut dijalankan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan Menteri Pertahanan dan Pemerinah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejurus selepas menyaksikan latihan, baginda dijunjung berangkat bagi menikmati santap dan berkenan menerima pesambah dari ABDB dan BSP. Baginda juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan menyaksikan pertunjukan beberapa kelengkapan ABDB antaranya Kereta Operasi Khas (SOV) Al-Thalab, motosikal *Rokon Desert Ranger* dan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV).

Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan bergambar ramai dengan para anggota yang terlibat dalam latihan tersebut. Eksesais Hikmat Bersatu III telah berjalan selama 12 hari dan dijangka berakhir hujung bulan ini. Latihan tersebut melibatkan semua unit ABDB yang bertujuan bagi menilai keberkesanan dan kecekapan dalam aspek perintah dan kawalan ABDB terutama sekali di antara Markas Angkatan Bersama dengan unit-unit terlibat.

Terdahulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan berangkat meninjau perkembangan Eksesais Hikmat Bersatu III yang dijalankan bermula 15 April lalu, di Pusat Kawalan Eksesais, Penanjong Garison.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan DYTM di Pusat Kawalan Eksesais, Penanjong Garison dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yasmin dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Aminuddin Ihsan serta Setiausaha Tetap I Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mustapa.

Sejurus keberangkatan tiba baginda di bilik taklimat Pusat Kawalan Latihan, sembah alu-aluan telah disembahkan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan.

Majlis diikuti dengan sembah taklimat mengenai Eksesais Hikmat Bersatu III dari Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Kolonel Mohd. Tawih yang juga Pengarah Eksesais Hikmat Bersatu III.

Sembah taklimat mengenai latihan serangan ke atas Lapangan Udara Anduki pula disembahkan oleh Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Kolonel (L) Abdul Aziz bin Haji Tamit.

Ia bertujuan untuk menilai keberkesanan dan kecekapan dalam aspek perintah dan kawalan (*command and control*) ABDB terutama di antara Markas Angkatan Bersama dengan unit-unit terlibat.

Baginda dan DYTM kemudian berkenan meninjau *'Exercise Command Center'* (ECC) yang merupakan nadi penggerak eksesais dan seterusnya dijunjung untuk sesi bergambar ramai serta menikmati santap ringan.

Dari Penanjong Garison Kebawah DYMM dan DYTM berangkat menaiki helikopter menuju ke Lapangan Udara Anduki Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad untuk menyaksikan latihan pertempuran yang dijalankan di sana.

Perlukah berhutang untuk mengerjakan ibadah haji?

Mengerjakan Haji Dengan Berhutang

ISLAM telah menetapkan bahawa ibadat haji tidak wajib ke atas orang yang tidak berharta. Islam juga telah menetapkan bahawa orang yang tidak berharta adalah tidak diwajibkan berhutang untuk mengerjakan ibadat haji. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada 'Abdullah bin Abu Awfa *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata, **maksudnya** : *"Aku pernah bertanya kepadanya (Rasulullah Shallallahu 'alahi wasallam) tentang seorang lelaki yang belum lagi menunaikan haji, "Adakah dia perlu berhutang untuk menunaikan haji itu?" Rasulullah Shallallahu 'alahi wasallam menjawab : Tidak."* (Musnad asy-Syafi'e)

Begitu juga dalam sebuah atsar yang diriwayatkan daripada Thariq *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata, **maksudnya :** *"Aku pernah mendengar anak Abu Awfa (salah seorang sahabat Nabi Shallallahu 'alahi wasallam) ditanya berkenaan seorang lelaki yang mahu berhutang dan mengerjakan haji (dengan hutangnya itu), beliau berkata: Mohonlah rezeki kepada Allah dan jangan berhutang."* (Hadits riwayat al-Baihaqi)

Dalam hal ini juga, Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* ada menyebutkan dalam kitab beliau al-Majmu', **ertinya :** *"Apabila sudah tidak wajib (haji itu) ke atas orang yang memang sedia ada hutangnya kerana hutangnya itu, maka tidak wajib berhutang (untuk pergi haji) itu adalah lebih awla (utama) lagi."*

Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* berkata lagi, **ertinya :** *"Telah berkata ulama-ulama asy-Syafi'eyyah: Sekiranya orang yang memberi hutang itu setuju hutang itu dibayar kemudian sehingga (orang yang berhutang itu) pulang dari mengerjakan haji, ibadat haji itu masih tidak wajib ke atas orang yang berhutang itu tanpa ada percanggahan pendapat."*

Oleh itu, tidak dituntut dalam Islam menunaikan ibadat haji dengan berhutang, kerana pada dasarnya orang yang berhutang dan orang yang mempunyai hutang dianggap sebagai orang yang belum mempunyai kemampuan (*istitha'ah*) untuk mengerjakan haji.

Islam Tidak Menggalakkan Berhutang Untuk Mengerjakan Ibadat Haji

Islam adalah agama yang mudah dan tidak menyusahkan. Ini dijelaskan dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala,* **tafsir-Nya :** *"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan."* (Surah al-Baqarah:185)

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lagi, **tafsir-Nya :** *"Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."* (Surah al-Baqarah : 286)

Dalam konteks ini, jika sekiranya syarat-syarat wajib haji tidak dapat dipenuhi oleh seseorang, maka tidaklah wajib baginya pergi mengerjakan haji, walaupun haji itu salah satu daripada rukun Islam yang lima.

Berhutang kerana tujuan tersebut adalah suatu perkara yang

BILANGAN 354

BAHAGIAN AKHIR

tidak dituntut oleh agama, kerana berhutang sangat membebankan dan boleh membawa akibat yang buruk seperti berlakumya kesusahan dan mengandungi risiko yang tinggi bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ada menyebutkan tentang orang yang berhutang dengan sabda Baginda, **maksudnya :** *"Dan jauhkanlah diri kamu daripada hutang, kerana sesungguhnya (hutang itu) awalnya adalah dukacita dan akhirnya pula mengambil harta orang dengan tiada mengembalikannya."* (Hadits riwayat Malik)

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lagi, **maksudnya :** *"Roh seseorang Mukmin itu tergantung-gantung kerana hutangnya (yang belum dibayar) sehinggalah hutangnya itu dibayar."* (Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Kedudukan Haji Orang Yang Berhutang

Walau bagaimanapun, sekiranya orang yang berhutang itu mengerjakan haji juga dengan duit yang dipinjamnya, maka ibadat haji yang dikerjakannya itu sah sebagai haji fardhu dalam Islam. Apabila suatu hari nanti, jika dia sudah berkemampuan untuk mengerjakan haji, maka dia tidak lagi diwajibkan atau dituntut untuk mengerjakannya. Ini jelas disebut oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala,* **ertinya :** *"Adapun untuk dikira haji yang dikerjakan itu menjadi haji Islam (haji fardhu), maka syaratnya ada empat perkara iaitu; Islam, berakal, merdeka dan baligh. Jika seorang fakir berusaha dengan bersusah payah (untuk mendapatkan perbelanjaan bagi tujuan) mengerjakan haji, maka haji itu menjadi haji Islam."*

Beliau berkata lagi dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin,* **ertinya :** *"Maka memadailah (sah) haji seorang yang fakir (yang berusaha dengan bersusah payah untuk mendapatkan perbelanjaan mengerjakan haji)."*

Begitu juga asy-Syeikh al-Khathib asy-*Syarbini Rahimahullahu Ta'ala* ketika mensyarahkan perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* di atas dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, beliau berkata, **ertinya :** *"(Dan begitu juga memadai (sah) haji yang dilakukan oleh) setiap orang yang tidak berkemampuan apabila terkumpul (dua syarat) iaitu merdeka dan taklif (berakal dan baligh)."*

Sebagai kesimpulan, orang yang tiada kemampuan dari segi kewangan, tidaklah perlu ia menyusahkan dirinya dengan berhutang untuk mengerjakan ibadah haji yang merupakan salah satu rukun Islam, apatah lagi bagi orang yang sudah mengerjakan haji atau umrah.

WALLAHU'ALAM

Pentingnya masa dalam kehidupan

MASA merupakan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada makhluk-Nya, yang mesti disyukuri dengan cara memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya dan jangan sekali-kali mensia-siakannya sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Furqaan ayat 62 yang tafsir-Nya:

"Dan Dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti untuk sesiapa yang mahu beringat (memikirkan kebesaran-Nya), atau mahu bersyukur (akan nikmat-nikmat-Nya itu)."

Masa mengandungi pelbagai pengajaran, keadaan malam dan siang silih berganti, suasanan gelap dan cerah dan yang bertukar ganti, perisitwa, keadaan dan kepentingan lain di dunia sentiasa berubah. Ini menunjukkan bahawa Allah memiliki kekuasaan yang tidak terbatas. Allah bersumpah dengan masa, ini membuktikan kemuliaan dan kepentingan masa kepada manusia dan Allah menegaskan bahawa orang-orang yang hanya menumpukan kerja-kerja dunia dan menyimpang daripada kebenaran dalam urusan perniagaan serta kehidupan, mereka berada dalam kerugian dan kebinasaan, Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan dalam firman-Nya pada Surah Al 'Ashr ayat 1 - 3 tafsir-Nya :

"Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan pula dengan sabar."

Ada sebilangan manusia menganggap mereka beruntung kerana dapat mengumpul harta yang banyak tetapi sebenarnya mereka dalam kerugian disebabkan tidak melakukan amalan yang baik dan mencukupi untuk kehidupan di Akhirat. Manusia akan sentiasa rugi kecuali mereka yang memiliki emapt ciri ini, iaitu beriman, beramal salih, saling nasihat-menasihati antara satu sama lain agar menurut kebenaran dan bersifat sabar serta cekal melayari kehidupan.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menyebutkan di dalam beberapa Surah yang menyentuh tentang kepentingan masa, antaranya dalam Surah Al Fajr ayat 1 - 2, tafsir-Nya :

"Demi waktu fajar; dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah); ..."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Lail ayat 1 - 2 yang tafsir-Nya :

"Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap gelitanya) dan siang apabila ia lahir terang benderang ..."

Dalam ayat Al-Qur'an yang lain pula menggambarkan dua keadaan yang akan dialami oleh manusia yang membangkitkan kesedaran mereka terhadap kepentingan masa. Golongan pertama adalah keadaan manusia ketika mereka di ambang kematian, dalam keadaan ini mereka baru mengharap agar diberi peluang untuk hidup beberapa ketika lagi bagi menyempurnakan ibadat yang telah dicuaikan, namun apa yang mereka harapkan tidak mungkin akan tercapai sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Munaafiquun ayat 9 - 10 yang tafsir-Nya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu dari mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi, dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang salih."

Golongan kedua pula, adalah keadaan manusia di Akhirat dan setiap hari mereka dibalas mengikut amal mereka masing-masing ketika hidup di dunia. Jika ia ahli Syurga maka masuklah ke Syurga dan ahli Neraka masuk ke Neraka, ketika ini ahli Neraka mula mengingati akan kehidupan mereka di dunia yang mencuaikan amal ibadat dan perintah-perintah Allah, maka mereka berhasrat dan berazam untuk kembali ke dunia untuk melakukan segala kebaikan dan amal salih. Apa yang mereka harapkan tidak akan tercapai dan sia-sia kerana masa untuk beramal sudah berlalu dan mereka sedang berada dalam masa Hari Pembalasan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faatir ayat 37 tafsir-Nya :

"Dan mereka menjerit-jerit di dalam Neraka itu (sambil merayu) : "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami (dari azab ini); kami akan mengerjakan amal-amal salih, yang lain dari apa yang kami pernah kerjakan". (Lalu Allah menempelak mereka) : "Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat pada-Nya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat? ..."

Manusia yang tidak memanfaatkan masa dengan sebaiknya adalah dianggap telah kehilangan sesuatu yang amat berharga dalam dirinya kerana masa itu sebenarnya merupakan modal kehidupan manusia yang diperniagakan bagi mencari kebahagiaan di dunia dan Akhirat. Setiap saat dan masa hendaklah kita gunakan sewajarnya, diisi selayaknya dan dimanfaatkan sebaiknya.

Masa yang telah berlalu perlu diambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Agama Islam mengajarkan kepada manusia agar menjadikan masa silam sebagai guru dan pengalaman untuk menilai kembali kekuatan dan persediaan dalam menghadapi kehidupan sekarang dan pada masa-masa mendatang. Hendaklah kita pergunakan kesempatan yang ada sekarang untuk memperbaiki langkah kita yang telah lalu agar kita berjaya mencapai kebahagiaan dan mendapat kemenangan di dunia dan juga Akhirat.

ADA sebilangan manusia menganggap mereka beruntung kerana dapat mengumpul harta yang banyak tetapi sebenarnya mereka dalam kerugian disebabkan tidak melakukan amalan yang baik dan mencukupi untuk kehidupan di Akhirat.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

TAWARAN KASTAM 04 / 2010(SH) MEMBEKAL SEGEL KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

JENIS BARANG DIHENDAKI
Jumlah diperlukan
HIGH SECURITY CONTAINER LOCK SEAL
50,000 pcs
CABLE LOCK SEAL
5,000 pcs

Syarat - Syarat Tawaran :
1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang mempunyai lessen PERNIAGAAN 16 / 17 dan LESEN, RAMPAIAN yang masih sah,berdaftar di Negara Brunei Darussalam
2. Hendaklah menyertakan (katalog / barang) contoh-contoh barang yang hendak dibekalkan bagi tawaran ini.
3. Borang-borang dan penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini bolehlah diperolehi daripada Unit Belanjawan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalaam.
4. **Hendaklah ditulis dengan terang setiap penyertaan tawaran-tawaran seperti berikut :**

SULIT : BILANGAN TAWARAN :
TAWARAN KASTAM 04/2010(SH) MEMBEKAL SEGEL KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

6. Tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran Sebutharga Kastam yang terletak di bahagian dalam bangunan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar Negara, Brunei Darussalam tidak lewat pada **hari Isnin, 10 Mei 2010, jam 2.00 petang.**
7. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

TAWARAN KASTAM 2 / 2010 MEMBEKAL VEHICLE SEARCH SYSTEM (DELUXE) KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4 unit VEHICLES SEARCH SYSYTEM (DELUXE)
One (1) year warranty inclusive of parts and labour
Consist as follows :-
1. Walk About TM II 5'LCD Kit2
2. **T-FNS.**5' – 14 Telescopic Pole
B-FN 2' Baton"
3. **UVIT** -Under Vehicles Inspection **Trolley**
4. **RW 6' 6" Telescopiing Rigid Wand**, 2 section ,less case,less camera
5. **WPC 3.5** 2.5" Illuminated Color Camera Head with wide angle 3.6mm lens (2 pcs)**LLC 1.4** 1.6 Illuminated Camera Head with 6mm lens.
6. (2 pcs) BAT-2 NiMh Rechargeable battery
7. **WBC** – Battery Charger
8. **WUH** Walk About Universal Harness
9. 1 lot – Sunshade, A/V Cable & Vehicle Power Adapter
10. **V- CASE** Single carry case for the all components

4 units COLOR FIBRESCOPE KIT
One (1) year warranty inclusive of parts and labour
Consist as follows :-
1. 6mm diameter X 1 m long flexible fibrescope with 2 articulation (FS 2- 1.0)
2. Battery powered light source (FBL),
3. Color borescope camera (FBC)
4. Camera lens adapter
5. **Camera cable (VPC-10)**
6. **Guide tube (GTF) in a hard carry case (F-CASE) measuring 21" X 16" X8"**

Syarat-Syarat Tawaran :
1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Setiap Syarikat hendaklah membuat penerangan (presentation) bagi peralatan yang hendak di tawarkan.
3. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit **Belanjawan tingkat dua Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar**, **Negara Brunei Darussalam.**
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup dan tanpa menunjukan identiti Syarikat serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti berikut.

TAWARAN KASTAM 2 / 2010 MEMBEKAL VEHICLE SEARCH SYSTEM (DELUXE) KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Borang penyertaan tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga Lembaga Tawaran Negara , Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat pada hari Isnin, 10 Mei 2010, jam 2.00 petang.**
6. Borang-borang penyertaan tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

TAWARAN KASTAM 3 / 2010 (SH) MEMBEKAL SPY STIK UNTUK KEGUNAAN VEHICLE SEARCH SYSTEM (DELUXE) KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

JENIS BARANG DIHENDAKI
Jumlah diperlukan
SPY STIK
(36" Length 0.23 shaft, thin and flexible)
4 sets
SPY STIK
(18" Length 0.40 shaft, hold its shape after bending)
4 sets

Syarat-Syarat Tawaran :
1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Belanjawan tingkat dua Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**
3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup dan tanpa menunjukan identity Syarikat serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti berikut.

TAWARAN KASTAM 3 / 2010 (SH) MEMBEKAL SPY STIK UNTUK KEGUNAAN VEHICLE SEARCH SYSTEM (DELUXE) KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. Tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran Sebutharga Kastam yang terletak di bahagian dalam bangunan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam **tidak lewat pada hari Isnin, 11 Mei 2010, jam 2.00 petang .**
5. Borang-borang tawaran penyertaan yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER-PENENDER adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 05 kerja berikut :

1. **T/025/RBPF-HQ/2010-B**
PROPOSED NEW MULTI PURPOSED HARD STANDING INFRONT OF POLICE HEADQUARTER BUILDING AT GADONG, BRUNEI DARUSSALAM
FEE : $ 50.00

2. **T/026/RBPF-HQ/2010-B**
PROPOSED ROOF RENOVATION TO BLOCK A,B,C,D AND E MARRIED QUARTERS POLICE HOUSING AT BALAI POLIS LAMUNIN TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM
FEE : $ 10.00

3. **T/027/RBPF-HQ/2010-B**
ALTERATION AND RENOVATION WORKS TO POLICE RU A MULTI-PUPRPOSE HALL (JKR 133) AT PANAGA SERIA BELAIT DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM
FEE : $ 30.00

4. **T/028/RBPF-HQ/2010-B**
ALTERATION AND RENOVATION WORKS TO POLICE RU B MULTI-PUPRPOSE HALL (JKR 1746) AT POLICE HEADQUARTER GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FEE : $ 30.00

5. **029/RBPF-HQ/2010-B**
ALTERATION AND RENOVATION WORKS TO POLICE JABATAN SIASATAN & KAWALAN LALULINTAS MULTI-PUPRPOSE HALL (JKR 1784) AT POLICE HEADQUARTER GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FEE : $ 30.00

1. Dokumen tawaran boleh di perolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik 6, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja iaitu **hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang manakala pada hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.**
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 18 Mei 2010 :**

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 1 Bangunan Sekteriat,
Bandar Seri Begawan BS 8610
Negara Brunei Darussalam.

3. Yuran tawaran (Tender fee) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran yuran tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong.
4. Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama tawaran.

JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN BAGI PENGUBAHSUAIAN DAN MEMBAIKPULIH POS KAWALAN IMIGRESEN KUALA LURAH
BILANGAN TAWARAN : 01/IMMB/04/2010
YURAN TAWARAN SEBANYAK $30.00

TAWARAN BAGI MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MEMBAIKPULIH BANGUNAN POS KAWALAN IMIGRESEN SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT
BILANGAN TAWARAN : 02/IMMB/04/2010
YURAN TAWARAN SEBANYAK $30.00

TAWARAN BAGI PEMBELIAN 1 BUAH KENDERAAN 4WD BAGI KEGUNAAN PEJABAT IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN CAWANGAN KUALA BELAIT
BILANGAN TAWARAN : 03/IMMB/04/2010
YURAN TAWARAN SEBANYAK $10.00

Syarat-Syarat Tawaran :
1. TAWARAN hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran di alamt yang tersebut di bawah tidak lewat pada **11 Mei 2010, hari Selasa, jam 2.00 petang.**

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE,
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas **tidak akan dilayan.**
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan beserta dengan borang pengakuan salinan Pendaftaran Perniagaan (Business Registration).
4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis setiap satu tawaran di luar sampul surat berkenaan sepertri berikut:-

BILANGAN TAWARAN : 01/IMMB/04/2010
TAWARAN BAGI PENGUBAHSUAIAN DAN MEMBAIKPULIH POS KAWALAN IMIGRESEN KUALA LURAH
TARIKH TUTUP : 11 MEI 2010

BILANGAN TAWARAN : 02/IMMB/04/2010
TAWARAN BAGI MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MEMBAIKPULIH BANGUNAN POS KAWALAN IMIGRESEN SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT
TARIKH TUTUP : 11 MEI 2010

BILANGAN TAWARAN : 03/IMMB/04/2010
TAWARAN BAGI PEMBELIAN 1 BUAH KENDERAAN 4WD BAGI KEGUNAAN PEJABAT IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN CAWANGAN KUALA BELAIT
TARIKH TUTUP: 11 MEI 2010

5. Syarikat atau perusahan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut diatas hendaklah membayar Yuran Tawaran sebanyak $30.00 BILANGAN TAWARAN : 01/IMMB/04/2010 (tidak akan dikembalikan), $30.00 BILANGAN TAWARAN : 02/IMMB/04/2010 (tidak akan dikembalikan), $10.00 BILANGAN TAWARAN : 03/IMMB/04/2010 (tidak akan dikembalikan). Dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 3, Ibu Pejabat jabatan Imigresen dan Pendaftran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN :
1. DOKEMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu , 14 April 2010.** Sila layari website Kementerian Kesihatan **www.moh.gov.bn**
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan mengunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang**, **hari Selasa pada 11 Mei 2010.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja **(dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan).** Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran
ISNIN –KHAMIS
8.00 PAGI – 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI – 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN BIASA

BIL TAWARAN : KK/20/2010 (RENAL) (TC)
SUPPLY AND DELIVERY OF ACCESSORIES FOR CVVHD EQUIPMENT, NEPHROLOGY CENTRE, KG RIMBA FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS
YURAN TAWARAN : $50.00
TARIKH TUTUP : 11/5/2010
Tidak lewat jam 2.00 petang

BIL TAWARAN : KK/21/2010 (LAB) (TC)
SUPPLY AND DELIVERY OF LABORATORY TEST KITS (VIROLOGY-MOLECULAR : PCR ABI) FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS
YURAN TAWARAN : $50.00
TARIKH TUTUP : 11/5/2010
Tidak lewat jam 2.00 petang

BIL TAWARAN : KK/22/2010 (LAB) (TC)
SUPPLY AND DELIVERY OF LABORATORY TEST KITS (BLOOD DONATION CENTRE SEROLOGY SCREENING) FOR DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS
YURAN TAWARAN : $50.00
TARIKH TUTUP : 11/5/2010
Tidak lewat jam 2.00 petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS VI KATEGORI 21 SAHAJA**.

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 18 Mei 2010

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 1 Jun 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JKR/DOD/8/2010

Tajuk Projek :
TAMAN TEKNOLOGI BRUNEI DARUSSALAM - KAWASAN AGROTEKNOLOGI

Nombor Projek : JKR/DOD/SEE/VOTE 804-017

Jumlah Yuran Tawaran : **$5,000.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS V & VI DAN KATEGORI 1SAHAJA**.

Tarikh mengambil Dokumen Tawaran : 28 April 2010.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 11 Mei 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JKR/DOR/SRM 21/2010
Tajuk Projek :
MENURAP SEMULA ASPAL JALAN DI LEBUHRAYA SULTAN HASSANAL BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jumlah Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran : JKR/DOR/SRM 22/2010
Tajuk Projek :
MEMBAIKI TAMBAK JALAN DI JALAN PENGHUBUNG MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jumlah Yuran Tawaran : **$100.00** (tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran : JKR/DOR/SRM 23/2010

Tajuk Projek :
MEMBAIK-PULIH JALAN ROSAK DI KAWASAN ZON 1 DAN ZON 2 DI DAERAH BRUNEI-MUARA | BAGI TEMPOH DUA TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jumlah Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS V (V & VI) KATEGORI 1 & 3 SAHAJA**.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Rabu, 12 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DDS 012-SEW(PP).T.V.

Tajuk Projek :
SKIM PEMBETUNGAN-JALAN BERAKAS DARI JALAN KUSTIN HINGGA KE SIMPANG 412 JALAN BERAKAS

No. Projek : 10/DDS/SEW/(PP)916-021-013
Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)
Yuran E-Dokumen : $5.00
Jumlah Yuran : **$505.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS VI (V &VI) KATEGORI 1, 3 & 4(d) SAHAJA**.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Sabtu, 22 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 1 Jun 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DDS 013/2010 - CDE (TCBI).T.V.

Tajuk Projek :
PROJEK PENCEGAHAN BANJIR KAMPUNG BAN / MULAUT FASA 2-KONTRAK 1

Nombor Projek : 10/DDS/CDE(TCBI)931-023
Yuran Tawaran : **$1,000.00**
Yuran Dokumen : $5.00
Jumlah Yuran : **$1,005.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS I, II & III, DIBAWAH KATEGORI 5g SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Isnin , 10 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/ 07/STE/2010-T/II

Tajuk Projek :
STRUCTURAL APPRAISAL FOR ADMINISTRATION AND MULTI-PURPOSE BLOCK AT SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN, BANDAR SERI BEGAWAN

No. Projek : -
Yuran Tawaran : **$10.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II & III DI BAWAH KATEGORI 7a dan 7b SAHAJA**.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Isnin, 10 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JKR/DME/13/BPB/2010

Tajuk Projek :
PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA BIRO KAWALAN NARKOTIK JALAN TUNGKU GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - (NOMINATED SUB CONTRACT)

Nombor Projek : BPB/6,014.30
Yuran Tawaran : **$10.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II, III & IV DAN DI BAWAH KATEGORI 3**.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 11 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JKR/DDGKB 013 / 2010

Tajuk Projek :
MENGENDALI DAN MEMELIHARA LOJI KUMBAHAN LOST TANJONG, KUALA BELAIT

Nombor Projek : 2010ADKB/B00410-07
Yuran Tawaran : **$50.00** (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf (**"JKR/DDGKB ..."**) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrek, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran Tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI 2.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 4 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DDGKB 011/2010
Tajuk Projek :
PEMBINAAN 2 BLOK PERUMAHAN KELAS F-6 UNIT DI ANDULAU

Nombor Projek : ADKB914/0901
Yuran Tawaran : **$500.00**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS III, IV & V DI BAWAH KATEGORI 1.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 4 Mei 2010.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DDGKB 012//2010
Tajuk Projek :
MENAIKKAN TARAF JALAN KECIL PANTAI LUMUT DAERAH BELAIT

Yuran Tawaran : **$100.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS IV DI BAWAH KATEGORI 2 SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 4 Mei 2010, dilanjutkan 1 Jun 2010 .
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010, dilanjutkan pada 15 Jun 2010 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DBSEBS007/2010
Tajuk Projek:
DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG MENUNGGOL

Nombor Projek : JKR/DBSEB 918/4600
Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II, III & IV DI BAWAH KATEGORI 5e SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Sabtu, 8 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/05/SAR/2010-T/III
Tajuk Projek :
KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN KEPADA GUDANG UNTUK CADANGAN PUSAT E-KERAJAAN-REKAAN DALAMAN BANGUNAN EGNC

Nombor Projek : DTS/SAR/B/651
Yuran Tawaran : **$50.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS III, IV & V DI BAWAH KATEGORI 2 SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Isnin, 10 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/04/SAR /2010-T/III
Tajuk Projek :
PEMBANGUNAN DESTINASI EKO-PELANCONGAN-TAMAN REKREASI HUTAN BERAKAS (SURAU, DEWAN SERBAGUNA DAN TANDAS)

Nombor Projek : DTS/SAR/D625
Yuran Tawaran : **$50.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS V (IV, V & VI) KATEGORI 1 ATAU 4(d) SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Sabtu, 8 Mei 2010

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DDS 011/2010 - CDE (HAHD).T.V.

Tajuk Projek :
PEMBAIKAN PENGALIRAN SUNGAI MENTIRI

Nombor Projek : 10/DDS/CDE(HAHD)931-040
Yuran Tawaran : **$250.00**
Yuran Dokumen : $250.00
Jumlah Yuran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS I, II & III, DIBAWAH KATEGORI 4a, 5d, & 5g SAHAJA**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Isnin , 3 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/ 06/STE/2010-T/II
Tajuk Projek :
KERJA-KERJA 'WATER PROOFING' DAN SPALLING CONCRETE' DI TINGKAT 1 KOMPLEKS MABOHAI JALAN KEBANGSAAN, KAMPUNG MABOHAI

No. Projek : -
Yuran Tawaran : **$10.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II & III DI BAWAH KATEGORI 4a SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 4 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 18 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DBSBSM004/2010
Tajuk Projek:
KERJA-KERJA MENGATAP SEMULA SERTA MENCAT SEMULA DI KONDOMINIUM SEJAHTERA 11, JALAN PULAIE, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nombor Projek : 2010DBSBM/JKR005
Yuran Tawaran : **$30.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS VI DAN DI BAWAH KATEGORI 1 SAHAJA.**

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran : 28 April 2010.
Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 18 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DOR/SRC 20 /2010
Tajuk Projek :
PEMBINAAN LORONG KEDUA JALAN SERIA BY-PASS
Nombor Projek : DTS/SAR/B/651
Yuran Tawaran : **$5,000.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS II, III & IV DI BAWAH KATEGORI 5b. 5c, & 5g SAHAJA.**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 4 Mei 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 25 Mei 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/08/BKT /2010-T/III
Tajuk Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KE ATAS KEROSAKAN SEBAHAGIAN DINDING PENAHAN TANAH BAGI PASAR BABI LIM AH SIAW, BSB

Nombor Projek : (137/09)JKR/BKT - KB/BM 1189
Yuran Tawaran : **$30.00** (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB..") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrek, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM **KELAS VI KATEGORI 21 SAHAJA**.

Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 18 Mei 2010

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 1 Jun 2010, jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JKR/DOD/8/2010

Tajuk Projek :
TAMAN TEKNOLOGI BRUNEI DARUSSALAM - KAWASAN AGROTEKNOLOGI

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Kerja Tingkat I dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas-kertas kerja adalah keutamaan.
3. Kebolehan menggunakan komputer adalah kelebihan.

3. PEGAWAI KAKITANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 ($2,270 - $4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 ($2,270 - $3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=3

KELAYAKAN MINIMUM :

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3**:

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perniagaan / Pengurusan / Pengurusan Sumber Manusia.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Perdagangan / Komputer serta telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Kakitangan atau jawatan berkaitan dengan pengurusan kakitangan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Pegawai Kakitangan atau jawatan berkaitan dengan pengurusan kakitangan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan pengurusan kakitangan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.

2. Mengetahui Peraturan Am, Dasar dan Peraturan Kerajaan mengenai dengan pengurusan kakitangan.
3. Mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kakitangan adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang *Information Communication Technology (ICT)* adalah kelebihan.

4. PENOLONG PEGAWAI KAKITANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 ($1,990 - $2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM :

a)i)BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Komputer / Pentadbiran Awam / Pengurusan / Pengurusan Kakitangan / Pengajian Perdagangan.

ATAU

ii)Berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

iii)Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

b)Mempunyai pengetahuan dan pengalaman bekerja dalam bidang pentadbiran, pengurusan kakitangan dan komputer adalah kelebihan.

c)Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

5. TIMBALAN PEGAWAI REKOD PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.4 EB.5 ($1,225 - $1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

a)i) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Komputer / *Business Studies.*

ATAU

ii)Berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pembantu Rekod Perubatan atau dalam jawatan sebanding dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

6. PEMBANTU PEGAWAI KEBAJIKAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 ($930 - $1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

a) i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

ii)Berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 atau M.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

iii)Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

b)Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

c)Berpengalaman dan berminat dalam kerja kebajikan dan sukarela adalah kelebihan.

7. PENJAGA JENTERA TAPISAN AIR KOLAM RENANG
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
E.1-2-3 EB.4 ($515 - $875 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

a) i)Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) **ATAU** BDTVEC *National Trade Certificate Grade 3 (NTC3)* / BDTVEC *National Vocational Certificate* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

ii)Berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

iii)Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 7:

PENYAMBUT TETAMU TINGKAT 1 / 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455 (BHG. IKLAN)

PEMBERITAHUAN:

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. Bagi iklan jawatan **bilangan 1 hingga 7** isikan satu (1) salinan sahaja borang **SPA1 atau SPA2**.
3. Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
4. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
5. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
   a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
   b. **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
   c. **Rekod Perkhidmatan.**
6. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

   Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
7. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut.**
8. Permohonan yang diterima lewat daripada **12 MEI 2010 tidak dilayan.**
9. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
   • Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
   • Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
   • Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu **http://www.spa.gov.bn/**
10. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
   • Pejabat Daerah Belait;
   • Pejabat Daerah Temburong.
   • Pejabat Daerah Tutong;
   • Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(a) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT), AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(a) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN 38(a)

Syarat-Syarat Am:

a)Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.

b)Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c)Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Brunei Darussalam.

d)Bagi jawatan B.3 ke atas, pemohon yang masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam hendaklah **LULUS** peperiksaan-peperiksaan berikut:-
i) Peperiksaan Jabatan (jika ada)
ii) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan
iii) Peraturan-Peraturan Kewangan

e)Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN.**

1. PEGAWAI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KANAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
B.3 ($3,880 - $4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM :

a)i)Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ii)Berkhidmat di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sebagai Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan atau jawatan-jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan yang sebanding dalam tanggagaji B.2 EB.3/B.2 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

b)Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 EB.3/B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

c)Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:-
i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

d)Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

2.PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.3 ($3,880 - $4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM :

1. a)i)Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perhubungan Awam / Komunikasi Massa atau bidang bersesuaian.
   ii)Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai PerhubunganAwam atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

   ATAU

   b)Bagi yang tidak mempunyai Ijazah hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengawai Perhubungan Awam atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:
   a. Peperiksaan Jabatan (jika ada)
   b. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan
   c. Peraturan-Peraturan Kewangan
   d. Perlembagaan Negara Brunei Darussalam
   e. Kertas Melayu Islam Beraja
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus dengan kepujian kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
4. Berkemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat (IT) dan komputer.
5. Perwatakan, kualiti dan kaliber yang bersesuaian.
6. Boleh menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media massa.
7. Fasih bertutur dalam bahasa lain adalah kelebihan.
8. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

3. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.3 ($3,880 - $4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i)Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pembelian dan Perbekalan / Ekonomi / Perdagangan / Pengurusan Perakaunan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.
   ii)Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

   ATAU

   b)Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah berkhidmatdengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus dalam peperiksaan Perkhidmatan Awam seperti berikut:
   a)Peperiksaan Jabatan (jika ada)
   b)Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
   c)Peraturan-Peraturan Kewangan
3. Tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

4.PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 ($3,880 - $4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Media / Pengurusan / Pentadbiran Am atau bidang bersesuaian.
   ii)Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

   ATAU

   b)Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus dalam peperiksaan Perkhidmatan Awam seperti berikut:
   a) Peperiksaan Jabatan (jika ada)
   b) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
   c) Peraturan-Peraturan Kewangan
3. Tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

5.PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
B.2 EB.3 ($2,270 - $4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 ($2,270 - $3,670 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

1. **a) BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3**

   Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Info-Komunikasi atau dalam bidang bersesuaian.

   b) BAGI TANGGAGAJI B.2:

   i)BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidangPengurusan / Pentadbiran Awam / Info-Komunikasi atau dalam bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

   ATAU

   ii)Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus dalam peperiksaan Perkhidmatan Awam seperti berikut:
   a) Peperiksaan Jabatan (jika ada)
   b) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
   c) Peraturan-Peraturan Kewangan
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

PEMBERITAHUAN:

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. Borang SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil, sijil, surat-surat akaun yang lengkap dan diakui sah.**
3. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
4. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
   a.**Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
   b.**Tahap Penilaian** Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
   c. **Rekod Perkhidmatan.**
5. Tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi pemohon yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.
6. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan **tidak akan dilayan.**
7. Bilangan kekosongan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
   •Menelefon 2381961 Sambungan 530/527 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
   •Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
   •Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu **http://www.spa.gov.bn/**
8. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada:

SETIAUSAHA
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP IKLAN: 19 MEI 2010

BILANGAN IKLAN : 35/2010/SPA/BMI/38 (A)

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN : BBSB/LTK/07/2010
TAJUK : PROPOSED CONSTRUCTION OF PARKING LOT AT JALAN STONEY (BEHIND ROYAL REGALIA BUILDING) BANDAR SERI BEGAWAN (PHASE)
Tarikh Tutup : 11 Mei 2010

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang mempunyai Sijil Kelas II atau III sahaja dengan kategori 1 yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.
2. Bayaran B$100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen tawaran hendaklah di bayar di Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Kumbang Pasang.
4. Dokumen Tawaran dan maklumat lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Projek, Tingkat 5 Bangunan Pusat Komersial Dan Perdagangan Bumi Putera, Jalan Cator.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :
   BILANGAN TAWARAN : BBSB/LTK/07/2010
   TAJUK : PROPOSED CONSTRUCTION OF PARKING LOT AT JALAN STONEY (BEHIND ROYAL REGALIA BUILDING) BANDAR SERI BEGAWAN (PHASE)
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan kedalam peti tawaran dan dialamatkan seperti di bawah :
   Peti Tawaran
   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
   Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan BS 8610
   Negara Brunei Darussalam
   Tidak lewat **hari Selasa, 11 Mei 2010** (sebelum jam 2.00 petang)
7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

فرادوان منولیس سورت

PERADUAN MENULIS SURAT RASMI (PMSR) & SURAT KIRIMAN (PMSK)
SEMPENA MEMPERINGATI JUBLI EMAS BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI NEGARA DALAM PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI 1959 (1959 - 2009)

POS

MENANGI HADIAH

$300 $200 $500

3 KATEGORI!

- Pegawai dan kakitangan kerajaan/swasta
- Institusi Pengajian Tinggi
- Menengah Atas

Hadiah sagu hati - Setiap kategori

. Tiga hadiah penghargaan masing-masing berjumlah $100
. Setiap pemenang akan menerima produk filateli
. Sijil penyertaan

Maklumat Lanjut :
Hurul 'Ain Nukhbah binti Rabaha
Tel: 2382511 sambungan 158

atau datang terus ke
Urus Setia PMSR & PMSK
Tingkat 2
Dewan Bahasa dan Pustaka, BB3510
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

RUMUSAN BARANG KEPERLUAN HARIAN MINGGU KE EMPAT BULAN APRIL 26/04/2010

BIL.	KETERANGAN	BERAT	HUA HO (TG. BUNUT)	SUPA SAVE & SMART	1ST EMPORIUM (BSB)	UTAMA GRAND	SIN KEW HIN	TEGUH RAYA	MILIMEWAH	JAYA HYPERMART	SOON LEE (BSB)
1	**Condensed Milk (Susu Manis Pekat)**										
	F&N	390 g	$0.90	$0.90	$0.85	$0.90	$0.85	$0.85	$0.85	$0.85	$0.90
	Milkmaid	388 g	$0.95	$0.95	$0.95	$0.95	$0.90	$0.95	$0.95	$0.95	$0.95
	Teapot	388 g	$0.95	$1.00	$0.95	$0.95	$0.90	$0.95	$1.00	$0.95	$0.95
2	**Evaporated Milk (Susu Cair)**										
	Cow Bell	400 g	$0.95	$1.15	$0.95	$0.90	$0.95	$0.95	$0.95	$0.90	$0.95
	F&N	400 g	$1.25	$1.15	$1.25	$1.20	$1.15	$1.20	$1.20	$1.19	$1.20
	Ideal	405 g	$1.55	$1.55	$1.45	$1.45	$1.45	$1.45	$1.45	$1.39	$1.45
3	**Flour (Tepong)**										
	Prima Plain	1 kg	$2.45	$2.40	$2.10	$2.20	$2.30	$2.25	$2.30	$2.10	$2.20
	Green SP Interflour	1 kg	-	$1.70	$1.45	$1.50	$1.60	$1.50	$1.50	$1.35	-
4	**Butter/Margarine**										
	Golden Churn	340 g	$4.15	$4.20	$4.00	$4.10	$4.10	$4.00	$4.50	$4.90	$4.20
	QBB	454 g	$5.80	$5.60	$5.40	$6.30	$6.20	-	$6.50	$6.20	$6.30
	Planta Margarine	480 g	$3.20	$3.20	$2.75	$2.80	$2.80	$2.80	$3.30	$2.80	$2.90
5	**Instant Noodles**										
	Maggi Curry	80g x 5	$1.95	$1.90	$1.80	$1.70	$1.75	$1.75	$1.85	$1.65	$1.80
	Maggi Ayam	80g x 5	$1.95	$1.90	$1.80	$1.70	$1.75	$1.70	$1.85	$1.65	$1.80
	Maggi Asam	80g x 5	$2.10	$1.95	-	$2.10	$2.00	$2.10	$2.05	-	$2.00
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	$1.75	$1.75	$1.75	$1.75	$1.70	$1.75	$1.75	$1.75	$1.75
	Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	$1.30	-	$1.30	$1.40	$1.25	$1.35	$1.30	$1.20	$1.30
6	**Fresh Chicken (Ayam Segar)**										
	Whole Chicken (Bulat)	1 kg	$3.90	$3.90	$3.95	$3.79	$3.80	$3.90	$3.89	$3.89	-
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	$5.80	-	$5.20	$5.99	$4.30	$6.50	-	$5.99	$5.50
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	$3.40	-	$3.80	$3.69	$4.50	-	$3.69	$2.95	-
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	$7.20	-	$6.90	$6.99	$6.50	$8.50	$6.79	$7.19	-
7	**Chicken Eggs (Telor Ayam)**										
	1 Dozen	1 doz	$1.80 (10's)	-	$2.60 (B)	$2.59 (C)	$2.50	$1.90 (10's)	$2.69	$2.50	$1.85 (10's)
	1 Tray (30's) (Size)	1 Tray	$5.20	$5.20	$5.50	$4.99 (B)	$5.40	$5.10 (B)	$5.49	$4.99	$4.80 (A)
8	**Onions (Bawang)**										
	Red Onions (Bawang Merah)	1 kg	$1.80	$1.60	$1.80	$1.60	$1.80	$1.70	$1.49	$1.39	$1.80
	White Onions (Bawang Putih)	1 kg	$2.85	$3.30	$2.90	$2.99	$2.50	$2.80	$2.69	$2.89	$2.50
	Big Onions (Bawang Besar)	1 kg	$1.20	$1.50	$1.40	$1.39	$1.20	$1.30	$1.39	-	$1.20
9	**Cooking Oil (Minyak Masak)**										
	Mazola Corn	3 kg	$13.45	$14.90	$13.80	$12.70	$13.90	$12.80	$13.50	$12.70	$13.20
	Naturel Sunflower	3 kg	-	-	-	$12.70	$6.85	-	$15.85	-	$11.20
	Labour	2 kg	$4.90	$4.90	$4.90	$4.30	$5.00	$4.50	$4.79	$4.39	$4.50
	Labour	5 kg	$9.20	$10.50	$9.50	$9.85	$9.00	$9.80	$9.90	$9.85	$10.20
	Seri Murni	2 kg	$4.40	$4.40	$4.60	$4.40	$4.40	$4.20	$4.20	$4.15	$4.30
	Seri Murni	5 kg	$9.55	$9.80	$9.70	$9.20	$9.20	$9.50	$9.40	$9.10	$9.60
	Sunco	2 ltr	$4.15	-	$4.30	$4.20	$4.20	-	$3.80	$4.15	$4.20
	Sunco	5 ltr	$9.25	-	$9.30	$8.80	$9.00	$9.20	$9.20	$8.80	$9.40
	Sania	2 ltr	$3.85	$4.50	$4.20	$3.90	$3.95	$4.50	$4.20	$3.80	$3.90
	Sania	5 ltr	$8.70	$9.50	$9.90	$8.60	$8.90	-	-	$8.99	$8.60
10	**Milo (Malaysia)**										
	Nestle Milo	1 kg	$6.65	$6.30	$6.30	$6.20	$6.15	$6.20	$6.20	$6.20	$6.15
	Nestle Milo	1.5 kg	$9.99	$10.20	$9.60	$9.60	$10.20	$9.60	$9.85	$9.60	$9.80
11	**Sauces (Sos)**										
	Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	$2.45	$2.30	$2.45	$2.20	$2.50	$2.40	$2.30	$2.29	$2.35
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	$2.60	$2.40	$2.55	$2.30	$2.60	$2.40	$2.45	$2.29	$2.40
	Maggi Cilli Sauce	340 gm	$1.20	$1.20	$1.10	$1.10	$1.15	$1.10	$1.15	$1.05	$1.15
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	$1.00	$1.10	$0.90	$0.95	$1.10	$1.00	$1.00	$0.95	$1.05
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	$2.45	$2.10	$1.90	$1.80	$2.00	$1.95	$1.90	$1.80	$1.95
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	$1.90	$1.95	$1.60	$1.60	$1.90	$1.60	$1.65	$1.55	$1.55
12	**Mayonnaise**										
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	$2.55	$2.60	$2.45	$2.55	$2.20	$2.20	$2.50	$2.20	$2.30
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	$4.40	$4.55	$4.10	$3.95	$3.90	$3.70	$4.20	$3.50	$3.50

16 pasukan berentap di Kejohanan Bolasepak Lima Sepasukan

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 April. - Sebanyak 16 pasukan bakal berentap bagi merebut mahkota juara Bolasepak Lima Sepasukan Piala Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang akan berakhir pada penghujung bulan ini.

Majlis pembukaan rasmi bagi kejohanan itu disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya dengan membuat tiga kali tendangan penaliti yang berlangsung di Padang Bolasepak Bangunan Bahirah Jalan Menteri Besar.

Tetamu kehormat juga diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan yang mengambil bahagian dan juga termasuk enam buah pasukan jemputan terdiri dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan, Jabatan Audit, Unit Petroleum Brunei, Bahagian Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Pasukan yang menyertai dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) ialah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan A dan B, Jabatan Perhutanan A dan B, Jabatan Perikanan A dan B, Jabatan BINA, Jabatan Kemajuan Pelancongan, KPSSU A dan B.

Diadakan 12 perlawanan bagi pusingan awal yang hampir melibatkan semua pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan A,B,C dan D dengan setiap kumpulan diisi oleh empat pasukan.

Perlawanan pembukaan ialah *exhibition match* antara campuran pegawai-pegawai kanan dengan pegawai dan kakitangan 45 tahun ke atas yang disertai oleh Menteri KPSSU sendiri, manakala perlawanan kumpulan pertama antara Perhutanan B melawan Perikanan A bagi Kumpulan A, bagi Kumpulan B pertemuan di antara KPSSU A bertemu Jabatan Audit, Kumpulan C pertembungan antara Unit Petroleum dengan Perhutanan A dan Kumpulan D menyaksikan perlawanan antara Kementerian Perhubungan bersama Pertanian A.

Antara lain objektif kejohanan itu bagi mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan di KPSSU dan agensi-agensi kerajaan yang berjiran di samping membangkitkan semangat setia kawan dan kesukanan di kalangan para pemain.

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya membawa bola untuk menjaringkan gol semasa *exhibition match* di Majlis Pembukaan Rasmi Bolasepak Lima Sepasukan Piala Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, sebelum perlawanan bermula. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Pasukan KHEU juarai Kejohanan Bolasepak Lima Sepasukan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 April. - Pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) muncul juara di Kejohanan Bolasepak Lima Orang Sepasukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama setelah menumpaskan pasukan Jabatan Perhutanan B 2 - 1.

Kemenangan pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila menjadi pasukan pertama pembuka tirai kejohanan menerima piala pusingan yang disumbangkan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya.

Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama memperoleh gol pertamanya menerusi Pengiran Anak Baharuddin dan disusuli gol kedua oleh Awang Md. Jambrin manakala gol tunggal Jabatan Perhutanan B' dibuat oleh Kong Jambree.

Yang Berhormat hadir menyaksikan perlawanan yang bermula dari peringkat suku akhir, separuh akhir dan seterusnya peringkat akhir dengan diakhiri dengan Majlis Penyampaian Hadiah Kemenangan.

Juga menyaksikan perlawanan bola sepak tersebut, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah.

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika menyampaikan trofi kepada wakil pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Selain menerima piala pusingan, juara juga menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak BND1,000 dan piala iringan.

Sementara menduduki tempat ketiga jatuh kepada pasukan dari Kementerian Perhubungan setelah berjaya menewaskan pasukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama A' dengan jaringan 3 - 1.

Kejohanan yang bermula sejak minggu lepas disertai oleh 16 buah pasukan termasuk beberapa buah pasukan undangan.

Pengiran Anak Baharuddin muncul sebagai penjaringan terbanyak kejohanan manakala Kong Jambree telah dipilih sebagai pemain terbaik kejohanan.

Piala Cabaran tajaan HSBC dapat sambutan

Oleh : Abdullah Asgar

JERUDONG, Isnin, 19 April. - Lebih 100 orang pemain golf senior Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak akan beraksi di Kejohanan Pan Borneo *Senior Master Golf* Ke-4 bagi merebut Piala Cabaran tajaan HSBC.

Para pemain telah diraikan dengan Majlis Makan Malam oleh Persatuan Golf Senior Master Brunei Darussalam yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Kejohanan itu akan bermula pada 20 dan 21 April ini di *Royal Brunei Golf and Country Club* dengan Negara Brunei Darussalam akan membariskan 72 pemain, Sabah 17 pemain dan Sarawak 14 pemain yang masing-masing berusia antara 55 tahun hingga 75 tahun ke atas dengan dibahagikan kepada lima kategori usia iaitu kumpulan A 55 - 59 tahun, Kumpulan B berusia 60 - 64, Kumpulan C 65 - 69, Kumpulan D 70 - 74 dan Kumpulan E, 75 tahun ke atas.

Selain bagi merebut Piala Cabaran HSBC kejohanan tersebut juga telah menyenaraikan berbagai hadiah lain bakal menanti para pemenangnya termasuk kenderaan (*hole no 3*), *skoter* (*hole no 8*) dan barangan elektrik selain piala cabaran pasukan *Gross* dan *Nett*.

Ini adalah kedua kali Persatuan Golf Senior Master Brunei menjadi tuan rumah pertama pada tahun 2007 dan tahun lalu kejohanan serupakan telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada bulan Julai 2009 manakala Sarawak menjadi hos pada tahun 2008.

Hadir di majlis ialah ketua pasukan masing-masing, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Dato Paduka Seri Mejar Jeneral (B) Abidin bin Pengiran Haji Ahmad, Sabah diketuai oleh Thomas More Willie dan Sarawak diketuai oleh Bernard Kiu.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar semasa hadir di Majlis Makan Malam sempena Kejohanan Pan Borneo Senior Master Golf Ke-4 bagi merebut Piala Cabaran tajaan HSBC. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Ahli TAFA diseru proaktif majukan bola sepak

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Jumaat, 23 April. - Semua Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola sepak Daerah Temburong TAFA, yang dilantik diseru agar berganding bahu dan proaktif dalam memastikan kemajuan berterusan sukan bola sepak di Daerah Temburong dapat dicapai.

Perkara tersebut disuarakan oleh Yang Dipertua TAFA, Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdullah di Mesyuarat Agung TAFA Sesi 2010 - 2011 di Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar, di sini.

Beliau juga mengharapkan supaya golongan muda yang menganggotai TAFA akan dapat tampil memberikan sumbangan khususnya dalam menerajui TAFA serta mengikuti apa jua projek yang dirancang untuk dilaksanakan bagi sesi 2010 - 2011 yang berkaitan dengan bola sepak sama ada di peringkat Daerah Temburong mahupun di peringkat kebangsaan.

Antara agenda Mesyuarat Agung TAFA Sesi 2010 - 2011 ialah mengesahkan Minit Mesyuarat Agung TAFA Sesi 2009 - 2010, Pembubaran AJK Tadbir TAFA Sesi 2009 - 2010 serta melantik AJK Tadbir TAFA yang baru bagi sesi 2010 - 2011.

YANG Dipertua TAFA, Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdullah semasa mempengerusikan Mesyuarat Agung TAFA Sesi 2010 - 2011.

Semasa ditemui wakil PELITA BRUNEI, Setiausaha Agung TAFA, Ah Chua bin Bangau menjelaskan TAFA telah pun merancang untuk mengadakan beberapa projek pada tahun ini antaranya untuk mengadakan Liga Bolasepak Daerah Temburong dan Piala Temburong 2010, di samping mengadakan kursus kejurulatihan bagi pengurus dan jurulatih pasukan yang mewakili persatuan-persatuan dan kelab-kelab bola sepak serta kursus bagi meningkatkan kemahiran para pengadil bola sepak di Daerah Temburong.

BIBD fokuskan usaha kukuhkan dan tingkatkan prestasi bank

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya yang merangkap Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Berhad ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang penerima yang telah berkhidmat selama 25 tahun. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

JERUDONG, Sabtu, 24 April. - Tahun 2009 merupakan tahun penting bagi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di mana sebahagian aspek besarnya difokuskan kepada usaha-usaha memperkukuhkan lagi matlamatnya dalam meningkatkan prestasi bank dan pekerja.

Perkara ini terbukti dengan meningkatnya usaha dan pelaburan bank dalam mencapai sasaran berkenaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya yang merangkap Pengerusi BIBD dan anak-anak syarikatnya sempena Majlis Jamuan Tahunan Bagi Tahun 2009 bank berkenaan yang diadakan di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa BRIDEX, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pada tahun lepas bank berkenaan telah membuat pencapaian yang amat membanggakan apabila dilantik sebagai Pengurus Bersama bagi Sukuk Antarabangsa dari *Islamic Development Bank*, Jeddah.

Pencapaian ini tambah Yang Berhormat bukan saja sangat memberangsangkan malah patut menjadi satu matlamat bagi semua inisiatif bank dari segi produk-produknya dan perkhidmatan-perkhidmatannya yang menuju ke mercu antarabangsa.

Pada tahun 2009 jelas Yang Berhormat, tidak kurang pentingnya bagi BIBD ialah apabila memberikan tumpuan bagi memperbaiki produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan bank seperti menubuhkan satu unit jualan langsung bagi meningkatkan hasil jualan produk mereka.

Bagi menuju matlamat iaitu untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti operasi bank BIBD mulai tahun lepas telah memberikan tumpuan khas kepada kualiti di mana ianya merangkumi semua kegiatan operasi dalam bank dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan dengan pelanggan.

Sementara itu, pada tahun ini jelas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lagi tumpuan utama *Quality Assurance Department* adalah bagi meningkatkan tata-urusan proses asas itu seperti proses CASA (*Current Account dan Saving Account*), kad kredit dan juga pembiayaan.

"Proses peningkatan berfasa ini akan dapat mempermudahkan lagi proses-proses yang tersedia ada bukan saja bagi pihak yang terlibat malahan jua bagi perkhidmatan bank secara keseluruhannya," terang Yang Berhormat.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, dalam memastikan para pekerja mendapat prestasi yang sewajarnya bermula tahun ini, pihak bank tersebut akan melaksanakan sistem *Penilaian Prestasi Kerja* yang baru.

Penilaian ini jelas Yang Berhormat lagi akan memastikan kerja dan tanggungjawab yang terlaksana akan mendapat ganjaran yang adil dan setimpal mengikut matlamat prestasi dan kebolehan yang telah diberikan kepada setiap individu itu sendiri.

Untuk maju ke hadapan terang Yang Berhormat, BIBD akan memberikan tumpuan utama terhadap peningkatan dari segi *'talent management system'* kerana ianya penting bagi pihak bank tersebut dalam pengurusan sumber-sumber manusianya bagi perancangan strategik yang bertumpu kepada ganjaran dan *'succession planning'* selain berhasrat untuk menjadikan BIBD sebagai salah sebuah institusi pilihan di negara ini untuk tempat bekerja atau berkhidmat.

Sejak ditubuhkan BIBD kini mempunyai 14 buah cawangan di keempat-empat buah daerah selain menyediakan 40 tempat lokasi mesin-mesin ATM.

Bersopan Santun Budaya Kita



> ***"PADA tahun lepas bank berkenaan telah membuat pencapaian yang amat membanggakan apabila dilantik sebagai Pengurus Bersama bagi Sukuk Antarabangsa dari Islamic Development Bank, Jeddah."***
>
> **- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

Dari muka 1

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyarankan bahawa pengurniaan taraf sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu tidak seharusnya dianggap bagi tujuan status kerakyatan semata-mata untuk kepentingan peribadi bagi mendapatkan kemudahan dan keistimewaan yang selayaknya, tetapi semestinya dihayati dari perspektif yang lebih bermakna bagi holistik dengan niat murni untuk mencurahkan khidmat bakti dan pengorbanan kepada raja dan negara.

Seterusnya, Yang Berhormat mengingatkan kepada para penerima bahawa pengurniaan taraf kerakyatan itu memerlukan pengorbanan, iltizam, komitmen dan semangat *patriotisme* yang tinggi terutama sekali dalam menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja, taat dan kasih sayang kepada bangsa dan negara.

Katanya, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita semua hendaklah menyerapkan semangat dan memupuk rasa tanggungjawab kepada negara dan bukan semata-mata mengharapkan dan bertanyakan apakah sumbangan negara kepada kita.

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan sijil kepada penerima yang layak menjadi taraf kerakyatan di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-28. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

"Dalam membantu Negara Brunei Darussalam agar terus mantap dan kukuh, kita selaku rakyat di negara ini haruslah meningkatkan usaha mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing bagi dari segi profesion mahupun ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya negara sentiasa berkembang maju dalam segenap bidang, ini termasuklah dalam bidang perekonomian, pendidikan, keusahawanan, pertanian, ICT dan lain-lain," kata Yang Berhormat di majlis yang berlangsung di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat menyampaikan sijil taraf kerakyatan kepada seramai 283 orang yang mana 167 orang adalah secara pendaftaran di bawah Bab 5(1), 84 orang di bawah Bab 5(6) dan 32 orang secara penuangan di bawah Bab 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan.

Dari muka 1

Taklimat pada pagi itu disampaikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dan juga dihadiri oleh Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Kanan di Jabatan Kerja Raya.

Sesi Perjumpaan dan taklimat ini adalah bagi kumpulan pertama seramai 53 Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dari Mukim-mukim Pengkalan Batu, Sengkurong, Gadong 'A', Gadong 'B', Kilanas, Berakas 'A' dan Berakas 'B'.

Antara lain tujuan Sesi Perjumpaan adalah untuk menjadikan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung sebagai rakan strategik yang dapat membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khusus dalam segala hal yang berkaitan dengan kemajuan setempat dengan penduduk-penduduk kampung di bawah pimpinan Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung masing-masing.

Taklimat juga adalah bagi menyampaikan maklumat-maklumat kepada orang ramai mengenai rancangan-rancangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya terutama sekali dalam menyediakan prasarana yang kondusif demi menjaga kesejahteraan seluruh rakyat serta penduduk di negara ini.

KETUA Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ghafar semasa di Sesi Perjumpaan / Taklimat bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (Kumpulan Pertama). - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Kesinambungan daripada taklimat ini adalah bagi mengimbas kembali masalah yang berhubung kait dengan Jabatan Kerja Raya seperti isu-isu tanah runtuh/susur, jalan raya, sistem saliran dan bekalan air.

Di samping itu, sesi taklimat tersebut juga menyentuh lebih dekat fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya terutama sekali dalam melaksanakan beberapa projek-projek yang telah, sedang dan akan di rancang termasuklah projek-projek di dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini.

Selain taklimat, sesi soaljawab di antara wakil-wakil jabatan di Jabatan Kerja Raya bersama Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung juga diadakan bertujuan untuk memberikan peluang kepada para penghulu dan ketua kampung untuk mengajukan sebarang pertanyaan yang berhubungkait dengan hal ehwal kemajuan mukim dan kampung masing-masing.

Ianya juga bagi mendapatkan maklum balas dari penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi meningkatkan hubungan yang rapat dalam mengeratkan lagi kerjasama sepadu di antara orang ramai dan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sesi taklimat ini juga akan dilaratkan di daerah-daerah lain mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Kumpulan Kedua bagi Daerah Brunei muara akan berlangsung pada Hari Selasa, 27 April 2010.

'AKHLAK TERPUJI HIASAN PERIBADI'

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقئن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.